



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 26	Khamis	27 Ogos 2020
---------	--------	--------------

K A N D U N G A N

USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman	1)
---	----------	----

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

	(Halaman	1)
--	----------	----

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

	(Halaman	12)
--	----------	-----

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	46)
---	----------	-----

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

■ Kemasukan Peta Sabah Pada Muka Hadapan Pasport Filipina – Datuk Liew Vui Keong (Batu Sapi)	(Halaman	47)
---	----------	-----

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Pendanaan Kerajaan 1983	(Halaman	48)
Akta Eksais 1976	(Halaman	60)
Akta Kastam 1967	(Halaman	64)
Akta Cukai Jualan 2018	(Halaman	71)

USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman	76)
---	----------	-----

USUL PERDANA MENTERI:

Pelantikan Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	(Halaman	76)
---	----------	-----

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 27 Ogos 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon (D.R. 37/2019) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di nombor 7 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.”

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan soalan pagi ini, saya ingin mencadangkan kepada Parlimen Tuan Yang di-Pertua untuk *reform* satu lagi— saya sudah kesan Tuan Yang di-Pertua apabila ada ucapan pembahas sama ada membahaskan rang undang-undang ataupun bangun, kamera Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua, tiga minit pertama ia *cover the whole* dengan izin, seluruh kawasan Dewan Rakyat. Kemudian baru pergi kepada pembahas. Saya fikir sama ada kamera itu *close-up*-nya sudah rosak atau long *short*-nya itu terlalu lambat *relay*-nya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Teruskan pertanyaan.

1. **Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejauh manakah penganjuran MAHA 2020 akan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh KKM di mana kita masih berhadapan dengan penularan pandemik COVID-19 serta apakah hasil pulangan ekonomi yang dapat dijana melalui penganjuran MAHA 2020 pada tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) merupakan program yang menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran yang efektif dan lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut.

Berdasarkan rekod penganjuran sebelum ini, secara puratanya MAHA boleh menarik seramai tiga juta orang pengunjung. Walau bagaimanapun dengan mengambil kira situasi pandemik COVID-19, penganjuran MAHA pada tahun ini perlu disesuaikan dan buat julung kalinya MAHA kali ini dilaksanakan secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan maya. Pameran MAHA 2020 akan diadakan di tapak pameran kekal Taman Eksspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) Selangor.

Saya ke tapak eksspo yang besar, amat sesuai bagi memastikan terdapatnya penjarakan fizikal sepanjang empat hari pameran ini berlangsung iaitu pada 26 November 2020 hingga 29 November 2020. Sebelum ini MAHA berlangsung untuk tempoh 11 hari dan tiada had dari segi pengunjung yang boleh datang. Namun untuk MAHA 2020 ini, penyertaan adalah secara jemputan dan fokus diberikan kepada acara *trade and business event*. Oleh itu, MAFI menyasarkan MAHA 2020 akan menarik seramai 10,000 pengunjung jemputan sehari secara fizikal dan lebih 100,000 penyertaan secara maya. Seramai 10,000 merupakan 1.3 peratus daripada bilangan penganjuran MAHA sebelumnya. Ini merupakan antara pendekatan yang diambil MAFI agar penganjuran MAHA kali ini mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tema yang ingin diketengahkan untuk edisi MAHA kali ini adalah *Pertanian Penjana Ekonomi Negara* ataupun *Agriculture The Driver of Malaysian Economy*. Kita sedar bahawa penularan pandemik COVID-19 telah menjaskan pertumbuhan ekonomi dunia. Namun begitu, jika diperhatikan prestasi ekonomi negara bagi suku tahun kedua 2020 iaitu semasa Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) berkuat kuasa, sektor pertanian masih mampu mencatatkan pertumbuhan positif berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Ini jelas menunjukkan dalam apa jua keadaan dan krisis yang melanda, pertanian adalah sektor yang sangat penting dan perlu terus digerakkan dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi sekali gus menjamin sekuriti makanan negara.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan MAHA 2020 ini dapat menjadi medium terbaik kementerian untuk menyebar luas potensi sektor pertanian dan projek berasaskan teknologi tinggi dalam sektor pertanian melalui penglibatan semua pihak yang berkaitan terutama pemain-pemain industri MAHA 2020 dijangka mampu menghasilkan lebih daripada RM300 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Jelebu, soalan tambahan pertama 30 saat.

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa MAHA akan diadakan secara hibrid pada kali ini pada 26 hingga 29 November dan bilangan kehadiran fizikal hanya 10,000 orang dan kehadiran secara maya seramai 100,000 orang sehari.

Memandangkan MAHA— soalan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan MAHA kali ini dihadkan dari segi jumlah pengunjung, bagaimana pihak kementerian dapat memberi keyakinan kepada pemain-pemain industri dalam sektor pertanian untuk turut serta dalam penganjuran MAHA 2020? Berapakah jumlah syarikat-syarikat tempatan yang berstatus syarikat baru ataupun *start-up company* dengan izin, yang terlibat dalam pameran MAHA kali ini? Apakah terdapat sebarang bantuan khusus dan keistimewaan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan kementerian kepada syarikat seumpama ini?

■1010

Dalam soal maya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sudah menjelaskan bahawa secara maya, 100,000 orang. Oleh kerana negara kita dan kadar capaian *internet* bagi masyarakat luar bandar selalunya terjejas, bagaimanakah atau adakah kolaborasi kementerian bersama dengan MCMC untuk menaikkan taraf capaian *internet* supaya MAHA ini dapat disertai semaksimum mungkin bagi masyarakat luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita akui tempoh penganjuran MAHA kali ini adalah singkat. Walau bagaimanapun, penganjuran MAHA 2020 masih menggunakan pendekatan secara holistik dengan memberi penekanan dan fokus kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) *Agro Trade* iaitu melibatkan aktiviti perniagaan dan pemadanan perniagaan serta mempromosi produk tempatan dan antarabangsa termasuk daripada usahawan industri kecil dan sederhana;
- (ii) pendekatannya adalah *Agro-Food Industry* bagi mempamerkan produk dan teknologi terbaik di sepanjang rantai nilai agromakanan;
- (iii) *Agro Youth* iaitu untuk menggalakkan dan mendorong pembangunan usahawan muda sebagai jaminan masa depan pertanian negara;
- (iv) *Agro Tourism* iaitu khusus untuk mempromosi industri agropelancongan;
- (v) *Agro IT and Technology* iaitu untuk mempamerkan penggunaan teknologi dan jentera terkini dalam sektor pertanian; dan
- (vi) *Agro Financing* iaitu bagi mempromosi pelbagai jenis kemudahan pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Jelebu, seperti yang dijelaskan dalam jawapan asal, MAHA tahun ini akan dianjurkan secara hibrid di mana kombinasi fizikal dan maya akan dilaksanakan serentak. Pameran maya dalam MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khas untuk memenuhi keperluan pemain-pemain industri secara atas talian sama seperti yang ditawarkan oleh pameran fizikal. Platform MAHA 2020 versi maya juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pemasaran domestik mahupun luar bandar. Pelbagai aktiviti atas talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan (*business matching*), *webinar*, *video conferencing* serta promosi produk pertanian dan makanan boleh dipaparkan secara langsung melalui pameran maya ini.

Justeru, untuk makluman Dewan ini, MAFI percaya bahawa melalui penekanan dan kaedah ini iaitu pendekatan secara *trade* dan *business event* ini, penganjuran ini melalui fizikal dan hibrid akan terus mengetengahkan industri pertanian ini sebagai satu industri yang akan menjana ekonomi negara. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belum terlambat untuk saya ucapkan tahniah kepada rakan saya kerana menang nombor satu Naib Presiden Parti Pribumi. *[Tepuk]*

MAHA memang satu acara penting dalam jadual Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Saya ucapkan tahniah kerana diteruskan walaupun di sebalik latar belakang COVID-19.

Soalan saya adalah sementara MAHA itu adalah platform untuk pempamer dan orang ramai yang terlibat dalam sektor pertanian mengambil bahagian, kita juga banyak mengambil bahagian di pameran-pameran antarabangsa. Kita bawa balik idea itu ke sini. Cadangan yang saya akan olah menjadi soalan adalah selepas daripada 11 hari tempoh pameran atau sekarang selepas daripada empat hari pameran, selepas daripada itu, apakah kementerian ada cadangan untuk mewujudkan tapak tetap bagi menyediakan platform kepada aktiviti hiliran sektor pertanian ini? Sektor huluan, ia mengadakan banyak inisiatif pertanian. Kemudian kita pamerkan produk mereka, hasil mereka. Kemudian cabarannya kita hendak komersialkan. Ini cabaran aspek huluan. Apakah ada idea kementerian selain daripada pameran, kita hendak jadikan itu sebagai tapak tetap supaya rakyat boleh mengunjunginya walaupun bukan musim pameran? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: MAHA dianjurkan dua kali setahun dan tapak penganjuran itu akan ditutup selepas penganjuran. Saya menerima baik cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu untuk menjadikan MAEPS tapak pameran MAHA itu dijadikan sebagai tapak kekal pameran, aktiviti dan juga *business transaction*.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, di kementerian sekarang ini ada fokus untuk *business promotion* yang disediakan di pihak kementerian yang juga memamerkan produk-produk pertanian dan sebagainya. Walaupun secara kecil-kecilan tetapi boleh ditambah baik untuk memperkasakan industri pameran pertanian dan agromakanan secara keseluruhannya. Jadi, cadangan itu boleh dikaji oleh kementerian. Yang Berhormat, terima kasih.

2. Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rasional cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk laksanakan cukai pengosongan atau *vacancy tax* kepada pemaju perumahan yang tidak dapat menjual rumah yang sudah siap.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim atas soalan.

Saya ingin memberikan penjelasan sikit ya apa itu *vacancy tax*. *Vacancy tax* adalah *tax* yang ada diamalkan di negara-negara lain seperti Australia, New Zealand dan sebagainya yang telah kita kaji. *Vacancy tax* ini adalah digunakan untuk mengawal agar pemaju-pemaju yang gagal untuk mengisikan rumah-rumah yang kosong dikenakan *tax amount*. Kaedah-kaedah *time period* itu, dengan izin, berbeza-beza.

Jadi, apabila melihatkan apa yang terjadi pada lima hingga 10 tahun yang lepas di mana banyak *overhang units* yang telah kita dapat yang tidak terjual, maka KPKT telah diberikan satu cabaran mengenai bagaimana hendak kita melupuskan atau menjual harta-harta yang *overhang* ini. Jadi, oleh kerana kita melihatkan bahawa *overhang unit* yang telah diambil untuk kajian adalah *overhang unit* yang berharga *high end*, yang RM500,000 dan ke atas, menjurus ke RM500,000 ke atas, jadi KPKT sekarang masih lagi dalam situasi perbincangan, masih lagi dalam *discussion*, belum lagi dibuat apa-apa keputusan.

Namun demikian, pada peringkat ini, memandangkan bahawa cadangan ini dibuat adalah berdasarkan kepada *figures*, angka-angka yang kita dapat yang menjurus kepada harta-harta yang RM500,000 ke atas, jadinya ia *high end premium*. *It is not about RM500,000 below*, rumah *affordable* dan sebagainya. Jadi, KPKT mengambil penetapan bahawa kita akan mencari kaedah lain yang mana kita boleh mengawal pemaju daripada membina rumah-rumah yang tidak bertepatan dengan permintaan, *mix match* rumah yang harga tinggi, lokasi yang tidak betul dan sebagainya. Jadi, KPKT akan menggunakan kaedah yang lain untuk mengawal pemaju agar mereka sebelum lagi pembinaan, KPKT akan meneliti sama ada apa yang dicadangkan adalah satu projek yang *viable*, yang tepat dengan apa yang dikehendaki oleh rakyat.

Jadi, ini apabila kita berjaya membangunkan *our big data system, we should be able to get the right projection because then you will be able to access by statistical information*, dengan izin, untuk mereka merancang pembinaan mereka pada masa hadapan. Juga memandangkan dengan keadaan COVID-19 dan rumah-rumah yang tidak terjual ini, maka pemaju pun sekarang sedar bahawa apa yang mereka *projection*-kan ketika itu dan sekarang adalah tidak tepat. Sekarang, mereka digalakkan untuk membina rumah-rumah yang RM500,000 ke bawah. Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Cukai pengosongan di luar negara biasanya ia dikenakan untuk mencegah spekulasi seperti di Singapura ataupun menyelesaikan kekurangan *housing supply* seperti di Melbourne. Negara kita sedang menghadapi *housing glide*. So, saya rasa *housing glide* ini sebab pemaju membuat keputusan perniagaan (*business decision*) yang salah, tidak memenuhi keperluan pasaran dan lain-lain. Mereka terpaksa tanggung kerugian yang besar akibat keputusan perniagaan yang salah itu. So, bagi saya, cukai pengosongan ini adalah satu *double whammy* kalau dikenakan kepada pemaju.

Sepatutnya, penyelesaian adalah untuk menjalankan *feasibility study* sebelum melaksanakan projek. So, kos ini dia akan dijadikan sebagai satu kos—cukai pengosongan ini akan dijadikan sebagai satu kos kepada pemaju. Kos ini dia akan dipindahkan kepada pembeli rumah. Akhirnya, harga perumahan akan meningkat, soalan saya bagaimana KPCT akan mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, dua minit 20 saat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Malim. Itu memang tadi jawapan saya terselit tadi dalam jawapan pertama tadi. Memang kita lihat bahawa *vacancy tax* ini yang diamalkan dengan negara-negara luar itu *some of the country is to avoid speculations and so forth*. Jadi, kerana memandangkan kita di Malaysia sekarang ada *housing glut*, jadi seperti saya kata, ia menjurus kepada rumah-rumah yang *high end*, pemaju-pemaju yang berkebolehan, berkemampuan.

Akan tetapi, tidak tepat dia punya *projection of project*. So, oleh sebab itu dan dia akan memberikan kos itu mungkin kepada pembeli. Oleh sebab itu, kaedah lain yang kita tengah perbincangkan adalah pemaju buat *feasibility study*, *but at this point in time* dia tidak menyerahkan *feasibility study* itu kepada KPCT.

So, kita akan buat satu ketetapan yang ke hadapan adalah mereka harus *submit feasibility study* mereka dan KPCT berdasarkan *big data information* yang kita ada, kita juga ada *projection* kita dan kita boleh menasihatkan mereka sama ada sesuai atau tidak sesuai, harganya sesuai atau tidak sesuai, tempat sesuai atau tidak dan sebagainya.

Jadi, di situ ada sedikit status pengawalan. *So that, they do not go over speculated or they go in the wrong price or in the wrong direction of what the market needs.* So, jadi kita gunakan kaedah itu tetapi terus ke *vacancy tax at this point in time*. Because KPCT sekarang ini hendak fokus kepada *how do we go in solving the inaccessibility problems for this affordable home. That is more important for us.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua, ada? Tidak ada? Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

3. **Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya perkhidmatan feri di Pulau Pinang terhenti dan apakah usaha jangka pendek untuk menyambung perkhidmatan feri dan pelan jangka panjang untuk naik taraf perkhidmatan feri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab dalam tempoh masa tiga minit.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sedia maklum dan telah mengenal pasti masalah tergandalanya perkhidmatan feri Pulau Pinang baru-baru ini. Ia adalah berpunca daripada berlakunya masalah teknikal pada enjin salah satu feri iaitu Feri Pulau Undan yang beroperasi di Pulau Pinang.

Ketika ini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang hanya melibatkan Feri Pulau Angsa daripada Pengkalan Raja Tun Uda ke Pengkalan Sultan Abdul Halim bagi perjalanan pergi dan balik yang mana mula beroperasi pada jam 6.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah malam. Dalam usaha mengatasi isu tersebut, pihak Rapid Ferry telah menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk pejalan kaki yang mana sebanyak lima buah bas telah beroperasi bermula dari jam 5.20 pagi hingga 11.00 malam dan akan terus beroperasi sehingga feri kedua iaitu Feri Pulau Undan dapat beroperasi semula yang dijangkakan pada hari Jumaat 28 Ogos 2020.

Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 27 Ogos 2020 iaitu hari ini, berkaitan isu ini dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan feri Pulau Pinang tersebut terus beroperasi memandangkan perkhidmatan feri merupakan antara *mode* penting dalam rangkaian pengangkutan awam negeri Pulau Pinang.

Kementerian akan sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan awam berada dalam tahap yang memuaskan dan sentiasa dipertingkatkan mutu perkhidmatannya dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan pertama Yang Berhormat Bukit Bendera sila, selama 30 saat.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkhidmatan feri yang ikonik terhenti operasi. Ini adalah buat pertama kali dalam sejarah yang panjang. Saya rasa menimbulkan banyak kesulitan kepada ribuan pengguna feri sama ada mereka yang menggunakan motosikal, basikal, kenderaan dan juga pejalan kaki.

Sebelum ini, difahamkan ia adalah di bawah kawal selia Prasarana yang mana pengerusi GLC kita, Yang Berhormat Pasir Salak tidak hadir dalam Dewan ini. Apakah bentuk kawal selia Kementerian Pengangkutan terhadap GLC-GLC seperti Prasarana, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Apakah bentuk kawal selia? Ini menyebabkan perkhidmatan feri begitu penting terhenti, tergendala untuk satu jangka masa. Kawal selia yang amat lemah oleh kementerian. Soalan saya, apakah

bentuk kawal selia yang kementerian— terhadap GLC Prasarana dan juga *statutory body*, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera, sila Yang Berhormat Menteri dua minit 30 saat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita kena melihat sejarah, yang mana untuk pelabuhan Pulau Pinang ini, pengoperasian pelabuhan itu dia berkait rapat dengan perkhidmatan feri. Iaitu sekarang tidak boleh *craved fault* daripada mereka yang beroperasi dalam pelabuhan. Mereka kena ambil alih. Ini sebagai tanggungjawabnya, dua dalam satu. Ini daripada segi latar belakangnya, pertama.

Kedua, saya ingin memaklumkan kerajaan negeri di bawah Yang Berhormat Bagan dahulu pada tahun 2015, berhajat untuk mengambil alih. Dari tahun 2015, tulis surat kepada MOT dan kemudian pada tahun 2016, dia kata KIV dahulu. Satu keputusan telah dibuat selepas itu, iaitu memandangkan Rapid Pulau Pinang ataupun di bawah Prasarana mereka menyediakan pengangkutan awam. Jadi, sebab itulah wujudnya satu idea pada tiga tahun yang lalu supaya ditubuhkan Rapid Feri ini yang diambil alih oleh Prasarana.

Betul, Yang Berhormat Seremban ketika menjadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pernah menggulung perbahasan di Dewan yang mulia ini, mengatakan sebanyak RM90 juta telah diperuntukkan untuk membeli feri baharu. Akan tetapi, keputusan ini datangnya daripada MOT. Saya sudah siasat.

Akan tetapi, pada waktu yang sama Menteri Kewangan pada masa itu melalui satu keputusan Kabinet bertarikh 18 Disember 2011— ini bukan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) daripada MOT. Akan tetapi, ia daripada MOF yang menyatakan satu keputusan dibuat iaitu MOF minta supaya diserahkan balik kepada syarikat konsesi yang beroperasi dalam Pelabuhan Pulau Pinang, bermaksud PPSB akan mengambil alih.

Jadi, apabila ada keputusan ini— ini adalah tempoh peralihan. Pada masa itu, telah dijanjikan sejumlah RM30 juta untuk membeli *DP Catamaran*. Wang ini akan diberikan PPSB untuk beli, iaitu pada tahun ini sebanyak RM15 juta dan pada tahun hadapan adalah RM15 juta. Jadi, saya memberitahu Yang Berhormat apa yang sebenarnya sehingga hari ini perlu ada satu *upgrading*. Jikalau feri yang kita gunakan selama 47 tahun, kita tidak pernah tukar sebab ia melibat kos operasi yang sangat tinggi sebanyak RM20 juta hingga RM25 juta dalam setahun. Jadi, kerugian setiap bulan adalah sebanyak RM2 juta.

Jadi, perlu ada satu anjakan paradigma dengan *catamaran* yang baharu. Oleh sebab itu, keputusan Kabinet pada masa itu untuk beli, tetapi sampai hari ini peruntukan belum turun lagi. Akan tetapi, dalam tempoh peralihan, kita minta pada

1 September 2020 diambil alih oleh PPSB. Jadi, PPSB dalam tempoh peralihan dia kena membeli *catamaran* dalam tempoh terdekat. Maka, dalam tempoh peralihan ini, atas rayuan SPPP dan juga Ketua Menteri sendiri berbincang dengan saya, kita akan teruskan, kita minta kita tanggung kos operasi RM2 juta ini walaupun dalam keadaan kita hendak serah kepada PPSC. Itulah latar belakang daripada segi mengawal selia mutu perkhidmatan yang muat oleh sebab dalam tempoh peralihan.

Janjinya ialah bagi sebanyak RM30 juta, masa itu pun belum dapat disempurnakan. Jadi, ini memang dalam tempoh peralihan, yang mana dia kena beli *catamaran* dan barulah dia boleh sambung dengan tidak menggunakan feri Roro yang ada sekarang. Jadi, kita lihat RM1.20 adalah satu *mode* perkhidmatan yang mampu ditanggung oleh rakyat dan kalau kita lihat kereta RM7.60, mereka boleh gunakan *Penang Bridge*. Tidak ada masalah.

■1030

Jadi dalam keadaan sekarang keputusan yang dibuat oleh PH dahulu pun kita tukar kepada *catamaran*. Jadi sekarang adalah pelaksanaan oleh kerana dalam tempoh peralihan maka perlu sedikit masa dan kerajaan yang ada pada hari ini, kita akan tanggung kos operasi walaupun berat, RM2 juta sebulan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Tanjong untuk soalan tambahan kedua.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu adakah kementerian akan memberi maklumat yang lengkap kepada pihak kerajaan negeri dan rakyat negeri Pulau Pinang tentang pelan jangka panjang supaya rakyat tahu apa yang akan dicadangkan oleh kementerian dan juga agensi yang ambil alih perkhidmatan ini dan lihat bagaimana dapat mencari penyelesaian yang terbaik dan bukan tiba-tiba mengumumkan sesuatu tanpa *engage* dengan kerajaan negeri mahupun rakyat jelata.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengikuti susun atur komunikasi ini supaya rakyat faham dan mungkin boleh setuju dan akan juga memberi pandangan sebagai maklum balas kepada rancangan jangka panjang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri, dua minit 30 saat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang juga Yang Berhormat Tanjong. Bagi saya, seperti mana yang saya katakan pada tengah hari ini saya akan berjumpa dengan rombongan kerajaan negeri. Sebab itulah satu angkatan daripada MOT akan bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat.

Kita tidak ada masalah, kita boleh berunding. Lagipun Yang Amat Berhormat Tanjong adalah orang baik, senang kita bincang dan senang kita runding. Kita akan sampaikan apa sahaja maklumat yang kita ada kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya rasa hubungan akrab antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat itu sangat penting. Seperti juga kita bekerjasama dengan kerajaan Selangor untuk hal-hal projek yang besar. Jadi saya rasa kita memang mendoakan supaya ada hubungan akrab sesama kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Dalam konteks perkhidmatan feri yang kita akan berikan kepada rakyat negeri Pulau Pinang, saya bagi jaminan selaku Menteri Pengangkutan apa juga pandangan dan juga input daripada kerajaan negeri kita akan mengambil berat dan apa juga maklumat yang patut kita berikan kepada kerajaan negeri kita akan beri. Jadi petang nanti kita berbincang dari segi latar belakang sama ada kerajaan negeri masih lagi berhasrat untuk mengambil alih. Kalau hendak mengambil alih secara jangka panjang, kita kena pinda akta kita iaitu kena *craft out* untuk perkhidmatan feri. Kalau tidak, kita fikirkan cara.

Kalau di Hong Kong dahulu tidak mereka gunakan feri Ro-Ro sekarang mereka telah gunakan feri *catamaran*. Apakah sekarang ini kita gunakan *catamaran*? Apabila PPSB mengambil alih pula macam mana mutu perkhidmatannya? Saya hendak minta, saya sedia mendengar pandangan daripada kerajaan negeri termasuk Yang Amat Berhormat sendiri dan saya sekali lagi memberi jaminan bahawa kita memikirkan soal rakyat bersama-sama dengan kerajaan negeri. Tidak ada masalah, kita sebagai wakil rakyat walaupun fahaman politik yang berlainan tetapi dalam soal ini adalah kesejahteraan rakyat.

Jadi bagi Kerajaan PN yang ada pada hari ini, kita akan memberi kerjasama yang paling erat. Lagipun untuk soal pembangunan pelabuhan tanpa kerjasama daripada kerajaan negeri, ia tidak jadi. Ia perlu mendapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan negeri. Jadi di sini sekali lagi untuk kita menggerakkan ataupun kita memajukan Pelabuhan Pulau Pinang menjadi satu pelabuhan yang lebih berdaya maju, saya pohon kerjasama daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meluas atau melanjutkan perintah berkurung ESSCOM ke laut terbuka memandangkan kes penculikan kru bot telah beralih ke laut terbuka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Libaran. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa kawasan operasi bagi ESSCOM adalah meliputi 10 daerah iaitu daripada 10 tersebut tujuh daerah yang telah kita kenakan perintah berkurung daripada pukul 6.00 pagi hingga pukul 6.00 petang di bawah seksyen 31 dalam Akta Polis 1967. Daerah yang terlibat adalah Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan dan Beluran. Manakala kita bebaskan kerana ada keamanan, keselamatan iaitu daerah Pitas, Kota Marudu dan Kudat.

Tujuan untuk kita menguatkuasakan perintah berkurung ini bagi memastikan perairan di dalam pesisiran pantai bagi tujuh daerah tersebut tidak dicerobohi oleh penjenayah rentas sempadan yang boleh mengancam keselamatan dan keharmonian komuniti terutama komuniti maritim terutamanya bagi para pelancong dan juga nelayan laut dalam.

Terdapat juga perancangan untuk meminda dan menambah baik kawasan serta masa perintah berkurung tersebut terutamanya bagi kawasan-kawasan *hotspot* yang akan dikenakan perintah berkurung 24 jam serta mengenal pasti kawasan-kawasan selamat sebagai bebas perintah berkurung berdasarkan kepada risikan dan maklumat semasa daripada pihak keselamatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila, Yang Berhormat Libaran soalan tambahan pertama.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya yang kedua, perintah berkurung di kawasan perairan tujuh daerah dalam Zon Selamat Pantai Timur atau ESSCOM, saya difahamkan perintah berkurung yang diisyiharkan pada jam 6.00 petang hingga pukul 6.00 pagi itu.

Dalam usaha mengekalkan keselamatan dan kesiapsiagaan di kawasan ESSZONE, apakah inisiatif atau usaha yang diambil oleh kerajaan dalam bekerjasama dengan pihak Filipina untuk membendung kegiatan penculikan terutamanya di sempadan antarabangsa.

Diminta juga Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan berapa banyakkah pengusaha yang memohon permit bagi aktiviti perikanan melalui kawasan perairan

berkenaan dan apakah juga kriteria untuk meluluskan permohonan yang telah dikemukakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat. Memang menjadi tanggungjawab bagi negara kita dan bersama dengan negara jiran sama ada Filipina dan Indonesia memastikan kawasan negara persempadanan perairan negara masing-masing selamat untuk pelancong dan juga nelayan laut dalam. Pastinya kita mengadakan kerjasama yang rapat dengan negara Filipina dan Indonesia. Oleh sebab itulah terdapat kes *kidnapping for ransom* yang berlaku pada tahun 2018, 2019 dan 2020 dapat kita atasi dan dari masa ke semasa kita akan sentiasa berhubung dengan pihak negara Filipina.

Mengenai permit untuk nelayan laut dalam ini adalah di bawah bidang kuasa MAFI iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Saya percaya boleh dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Bukit Bintang soalan tambahan yang kedua.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pencapaian kerajaan selama ini sejak ESSCOM dikuatkuasakan dalam memerangi keganasan dan pencerobohan asing di pantai Sabah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada 12 Jun kita telah mengadakan operasi Ops Benteng iaitu di kawasan perairan Sandakan dan pada 26 Ogos, kita melakukan operasi Ops Benteng di perairan Tawau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di perairan Tawau kita telah memeriksa sejumlah 2,776 buah bot dan juga kita telah mengusir sebanyak 29 buah bot yang dianggotai oleh seramai 111 warganegara Indonesia dan tangkapan enam buah bot iaitu melibatkan 52 warganegara Indonesia.

■1040

Bagi Ops Benteng di Perairan Sandakan, kita telah membuat pemeriksaan sejumlah 1,456 buah bot dan tangkapan tiga buah bot dianggotai oleh 13 orang warga Filipina dan mengusir sebuah bot bagi satu orang warga Filipina. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sentiasa mengadakan operasi bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia, Maritim, PGA dan juga APMM bagi memastikan keselamatan perairan negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan pelupusan harga siling beras tempatan dan penetapan harga siling beras import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pulai.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa industri padi dan beras adalah merupakan satu industri yang sangat strategik dan kritikal kepada kerajaan mengambil kira beras adalah merupakan makanan utama rakyat Malaysia. Sehubungan itu, apa sahaja keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan yang berkaitan dengan isu padi dan beras ini mestilah dibuat dengan berhati-hati dan memerlukan kajian yang teliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan harga siling bagi beras tempatan bermula pada tahun 2008 yang bertujuan memastikan rakyat dan pengguna sentiasa memperoleh bekalan beras dengan harga yang berpatutan dan terkawal walaupun berlaku kenaikan harga beras di pasaran antarabangsa. Ini berlaku pada tahun 2008 apabila berlaku krisis makanan dunia.

Pada masa ini, beras putih tempatan dengan kandungan hancur lima peratus dikawal tidak melebihi RM2.60 bagi setiap kilogram. Bagi menampung kekurangan 30 peratus penggunaan beras di dalam negara, beras putih import digunakan dengan purata harga pasaran adalah sekitar RM2.80 hingga RM3.00 setiap kilogram mengambil kira berlaku beberapa perubahan dasar seperti kenaikan harga lantai belian padi yang telah diseragamkan daripada RM850 setiap metrik tan kepada RM1,200 setiap metrik tan pada tahun 2014.

Kementerian berpandangan kajian terhadap harga siling beras tempatan perlu dilaksanakan. Ini bagi memberi keadilan kepada pihak lain di sepanjang rantai industri seperti pengilang, pemborong dan juga peruncit, memandangkan margin keuntungan perniagaan yang semakin mengecil kesan daripada harga siling runcit yang telah ditetapkan itu.

Dalam hubungan ini, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Pulai, kerajaan akan melaksanakan kajian pasaran secara terperinci terlebih dahulu sebelum mengemukakan cadangan pelupusan harga siling beras tempatan dan juga penetapan harga kawalan ke atas beras import bagi memastikan impak perubahan harga tidak membebankan pengguna dan rakyat secara keseluruhannya. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya boleh sedikit gembira di atas jawapan itu kerana kerajaan bersedia untuk membuat kajian seterusnya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian saya pada waktu itu tahun 2019 bersama dengan kementerian rakan saya, Kementerian Pengguna, telah membawa suatu kertas kerja yang komprehensif kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan pembentangan dengan mengambil pendekatan holistik telah pun dibentangkan.

Jadi, Yang Berhormat, jangan takut untuk kita menaikkan harga siling beras tempatan ini. Kerana antara negeri Yang Berhormat sendiri, Kelantan, saya pernah menjadi wakil rakyat di sana, orang Kelantan tidak kisah untuk beli beras Siam yang panjang itu walaupun harganya sedikit mahal. Jadi, kepentingan petani adalah lebih penting.

Jadi, saya mengharapkan supaya usaha ini dapat diteruskan. Bilakah agaknya? Itu soalannya. Kalau kami dulu, kami memerlukan— kalau tidak jatuh kerajaan, dalam masa enam bulan boleh dilaksanakan. Sekarang saya muahu satu *time frame* di pihak M— bukan MOA. MAFI ya. Bilakah jawapan itu boleh diberikan? Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pulai, memang kita tidak takut, apatah lagi untuk melaksanakan perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada rakyat.

Perlu kita sedari bahawa, seperti mana yang saya sebut di awal tadi, bahawa industri padi dan beras ini adalah merupakan industri yang sangat kritikal dan begitu strategik. Ia melibatkan pemain-pemain industri yang ramai dan termasuklah pesawah sendiri yang mana yang kita cuba jaga dari segi kepentingan mereka itu.

Namun, kita juga tidak lupa dan mesti menjaga kepentingan yang paling ramai iaitu pengguna seramai 32 juta rakyat Malaysia yang menggunakan beras pada setiap hari ini. Sekiranya kenaikan harga beras yang tidak dikawal, ia akan menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat sendiri dan menyusahkan rakyat sendiri.

Saya ada maklumat mengenai status kajian yang sedang dilaksanakan pada masa ini di mana apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai kertas yang telah dibawa kepada MKN itu, sudah tentu ia akan dilihat secara teliti. Sekiranya boleh membawa kebaikan kepada seluruh pemegang taruh dalam industri ini, sudah tentu kementerian akan mempertimbangkannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: [Bangun]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada ramai yang hendak bertanya soalan tambahan kedua. Saya jemput— yang minta dulu— Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Khazanah Research Institute* juga melaporkan bahawa Malaysia masih bergerak perlahan dalam pengeluaran variasi tanaman baharu. Dalam jangka masa 50 tahun, India menghasilkan 1,900 variasi tanaman, Filipina menghasilkan lebih daripada 200 variasi, Thailand menghasilkan lebih 80 variasi, manakala Malaysia mengeluarkan kurang daripada 50 jenis variasi.

Soalan saya. Apakah faktor menyebabkan kos pengeluaran beras negara adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara pengeksport beras yang lain? Adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam usaha menambah variasi pembakaan padi dan tanaman lain yang dilihat lebih jauh ketinggalan berbanding dengan negara serantau? Mohon Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih Yang Berhormat Jempol di atas *concern* itu. Sebenarnya, apa yang telah disebut, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol tadi adalah perkara-perkara yang sedang dibincangkan di kementerian. Makna, kementerian sangat melihat dan memahami betapa dalam soal *variety* dan sebagainya, kita masih berada terbelakang dan sebagainya. So, perkara ini akan diatasi oleh kementerian dengan penubuhan jawatankuasa *food security* dan sebagainya. Jadi, perkara itu, *insya-Allah*, akan kita atasi sebaiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Satu lagi. Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang. Yang Berhormat Jerai.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk membuka pasaran benih padi sah di pasaran terbuka? Sekiranya kerajaan bersetuju, apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat pengeluar yang berminat? Sekian.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jerai.

Saya pergi kepada syarat-syarat dulu iaitu soalan yang kedua tadi. Syarat-syarat wajib bagi pengeluar benih padi sah yang perlu dipatuhi oleh mana-mana syarikat yang berminat ialah: satunya, mesti mempunyai kilang sendiri sama ada

dipajak ataupun disewa; mempunyai stor penyimpanan yang mencukupi; mempunyai peralatan pemprosesan benih seperti benih mentah, *rough cleaner, dryer, fine cleaner, gravity separator, indented cylinder optical color sorter.*

■1050

Antara aspek teknikal yang diambil kira oleh jawatankuasa teknikal bagi tujuan perolehan secara tender terbuka untuk menentukan kemampuan sesebuah syarikat ialah kapasiti pemprosesan di kilang benih padi, kapasiti penyimpan benih padi, keluasan ladang yang mencukupi, bilangan penyelia ladang yang mencukupi dan juga bilangan pekerja di kilang yang mencukupi. Seperti mana juga yang saya sebut daripada awal tadi bahawa industri ini adalah merupakan industri yang sangat kritikal.

Kerajaan walaupun dikatakan ingin di swasta dan sebagainya, namun tanggungjawab memastikan bahawa benih padi sah yang mencukupi ini adalah merupakan tanggungjawab kerajaan. Ini kerana kita sangat memahami sekiranya apa-apa yang berlaku dalam masalah pembekalan benih baik, benih yang tidak bermutu dan sebagainya ataupun benih yang tidak mencukupi pada musim-musim penanaman padi itu sudah tentu ia akan kembali kepada kerajaan. Bermakna kementerian ini akan dipertanggungjawabkan juga walaupun kita menswastakan dan sebagainya.

Jadi oleh kerana itu, bermakna kerajaan mesti melaksanakan kajian teliti sebelum membuat sebarang keputusan untuk menswastakan dan sebagainya. Cuma apa yang saya hendak sebut, bahawa penawaran pembekalan padi sah ketika ini memang telah dibuat secara terbuka yang mana syarikat atau pembekal-pembekal yang berminat mempunyai kapasiti pengeluaran dan memenuhi syarat-syarat yang telah saya bacakan tadi adalah dipelawa untuk memasuki tender pembekalan secara terbuka dan terkawal bagi program tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Berdasarkan perolehan secara tender terbuka sebelum ini iaitu daripada tahun 2017 sehingga tahun 2019 sebanyak 16 buah syarikat telah mengemukakan permohonan yang mana daripada jumlah tersebut 9 buah syarikat telah berjaya dipilih dan diberi kuota pembekalan benih padi sah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah disebutkan tadi. Jadi maknanya sekarang ini pun telah terbuka kepada syarikat-syarikat yang benar-benar mampu untuk membekalkan benih ini dengan pengawalan yang ketat dari kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan Jawab Lisan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Rompin.

3. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa jumlah penduduk Orang Asli di negeri Pahang dan berapakah anggaran pendapatan isi rumah Orang Asli di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Bagi jawapan tersebut sehingga bulan Disember 2019, jumlah penduduk Orang Asli di negeri Pahang adalah seramai 73,945 orang. Daripada jumlah tersebut, 37,903 orang adalah lelaki dan 36,042 adalah perempuan.

Purata pendapatan isi rumah bagi masyarakat Orang Asli berdasarkan banci Orang Asli adalah sebanyak RM1,092. Purata pendapatan terkini akan diterbitkan berdasarkan maklumat yang akan diperoleh melalui aktiviti banci penduduk dan perumahan Malaysia bagi tahun 2020. Kaedah bancian yang dijalankan bagi mengumpul maklumat tersebut adalah secara temu ramah bersemuka di mana pembanci akan melawat dan menemu ramah semua ketua isi rumah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap daripada setiap ketua si rumah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Rompin. Soalan tambahan pertama.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu masalah di negeri Pahang ialah kawasan yang digazet kepada masyarakat Orang Asli belum diukur secara tepat. Ini masalah dan saya berharap kerajaan – bilakah kerajaan akan menyelesaikan, mengukur semua kawasan gazet Orang Asli ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut laporan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rompin memang kita akui bahawa masyarakat Orang Asli ini dia isytiharkan kawasannya agak luas iaitu meliputi kawasan rayau. Di dalam kawasan kebanyakan di negara kita ini, kawasan Orang Asli ini merupakan tanah di bawah kuasa kerajaan negeri dan kita waktakan melalui tanda-tanda yang berada di dalam kawasan-kawasan yang berada di dalam negeri-negeri tersebut.

Maka dalam soal ini, beberapa langkah telah kita ambil bagi bertemu dengan Ketua-ketua Menteri yang berada di dalam negeri mereka ini untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan ini berada di dalam kawasan Orang Asli tersebut. Akan

tetapi, walau bagaimanapun benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin memang masalah yang kita hendak dapat bahawa manakah kedudukan sebenar tanah Orang Asli itu masih sehingga kini belum dikenal pasti. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan yang kedua.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Sungai Siput. Sila, 30 saat.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Parlimen Sungai Siput jumlah penduduknya seramai 11,500 orang membabitkan 51 kampung yang dipimpin oleh 41 orang tok batin. Salah satu isu yang sering dibangkitkan ialah isu infrastruktur, keadaan jalan raya. Di mana baru-baru ini saya telah jelajah di kampung Pos Poi dan juga Kampung Pos Piah iaitu jarak kilometernya daripada Pekan Sungai Siput adalah sejauh 140 kilometer pergi balik.

Sepanjang perjalanan itu ada dua buah sekolah kebangsaan iaitu SK Pos Poi dan juga SK Pos Piah. Jadi keadaan jalan itu menyebabkan khususnya para guru, kenderaan mereka sering mengalami kerosakan dan masyarakat Orang Asli juga sering mengadu keadaan jalan ini menyebabkan kadangkala apabila berlaku kecemasan khususnya masalah kesihatan, ia menyebabkan timbul banyak masalah. Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang boleh disegerakan bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Dalam hal ini, pertamanya saya boleh nyatakan bahawa persoalan yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Rompin telah terkeluar daripada tajuk yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Akan tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana saya dalam proses mengenal pasti sebenarnya kawasan-kawasan seperti ini dan beberapa tempat kawasan Orang Asli yang telah saya lawati.

Sungai Siput adalah dalam perancangan saya selepas ini, apabila tamat sahaja persidangan ini, maka saya akan pergi ke Sungai Siput atas jemputan, mungkin atas jemputan daripada Exco Infrastruktur menjemput saya ke Sungai Siput. *Insya-Allah* saya akan hadir ke sana untuk melihat berapakah jumlah-jumlah kos sebenar, saya akan turun bersama pegawai-pegawai Orang Asli.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam sekarang ini saya sentiasa mengadakan perjumpaan bersama pegawai-pegawai Orang Asli dan juga bersama anggota-anggota Orang Asli sendiri termasuklah tok batin bagi kita mengenal pasti berapakah perancangan-perancangan seterusnya. Boleh saya namakan sebagai *blueprint* yang kami sedang laksanakan untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan seperti ini dapat kita laksanakan dengan seberapa segera.

Ini saya telah nyatakan dalam bajet tambahan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi *insya-Allah* saya akan pergi dari satu tempat ke satu tempat ke kawasan-kawasan Orang Asli ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan Jawab Lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kluang.

4. **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pemohon yang telah berjaya menebus e-Tunai RM50 sehingga 30 Jun 2020.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, Program ePENJANA adalah salah satu inisiatif dibawah pelan jana semula ekonomi negara PENJANA. Bertujuan untuk merangsang perbelanjaan pengguna menggalakkan amalan keselamatan melalui pembayaran tanpa sentuh serta membantu pihak kesihatan awam menjalankan pengesanan kontak rapat untuk mengawasi penularan COVID-19 melalui penggunaan aplikasi MySejahtera.

Kerajaan akan mengkreditkan ePENJANA bernilai RM50 yang boleh digunakan bagi pembelian melalui penyedia perkhidmatan e-dompet yang terpilih, iaitu *Touch 'n Go e-wallet*, *GrabPay* dan *Boost*. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kluang meminta jumlah pemohon yang telah berjaya menebus e-tunai RM50 sehingga 30 Jun 2020.

■1100

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk ePENJANA hanya telah dibuka mulai 13 Julai 2020 dan akan ditawarkan sehingga 24 September 2020. Kredit yang diterima perlu dibelanjakan sebelum 30 September 2020. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 21 Ogos 2020, sebanyak RM495.4 juta telah

berjaya disalurkan kepada 9.9 juta penerima di seluruh negara melalui pembiayaan kredit ePENJANA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kluang untuk soalan tambahan pertama. Masa 30 saat.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih. Dasar e-Tunai ini dimulakan dan juga digalakkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan apabila kami di sebelah sini memerintah. Jadi sebenarnya kami di sini amat mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk meneruskan mekanisme e-Tunai ini.

Walau bagaimanapun, kita pun tahu bahawa pada peringkat pelaksanaan awalnya, mekanisme ini pun mendapat banyak kritikan seolah-olah data peribadi pengguna tidak dilindungi oleh kerajaan. Misalnya Ahli Parlimen Kuala Terengganu mempersoalkan dan mengeluarkan satu kenyataan tentang isu ini dan juga Ahli Parlimen Kuala Nerus pernah menulis di *Facebook* beliau, saya petik , mohon maaf.

“Ada sesuatu yang cuba disembunyikan daripada projek e-Tunai. Rakyat berhak membantah. Data peribadi mereka tidak selamat hanya dengan tawaran RM30, data peribadi rakyat Malaysia terkumpul dengan mudah di tangan pihak tertentu. Ia boleh sahaja disalahgunakan.” Ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Kuala Nerus sebelum dia dilantik sebagai Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lagi soalannya, bagi soalan yang diberikan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada semua pengkritik membangkitkan isu ini dalam mesyuarat atau membantah pelaksanaan e-Tunai selepas mereka dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri. Wujud atau tidak masalah yang mereka bangkitkan ini dalam sistem e-Tunai? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang adalah isu yang melibatkan ketika Ahli Yang Berhormat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kluang menjadi pembangkang. Perkara ini Tuan Yang di-Pertua harus diambil kira berdasarkan prestasi e-Tunai kerana ePENJANA adalah satu sistem yang baru dilancarkan di bawah pakej PENJANA pada 5 Jun 2020.

Akan tetapi suka saya hendak mengingatkan Yang Berhormat, semasa e-Tunai dilancarkan, pada suku pertama tahun 2020 Kerajaan PH hanya dapat mempromosikan kepada hanya 7.41 juta berbanding Kerajaan Perikatan Nasional, 9.9 juta. Ini bermakna ada perbezaan dua juta. Itu sebabnya sekiranya kerajaan terdahulu memberikan promosi dan penerangan yang lebih baik, sudah pasti

perkara-perkara ini tidak timbul. Kerana apa Yang Berhormat, berkaitan data privasi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kluang tadi, kita tidak perlu risau kerana semasa permohonan, terma dan syarat tetap sama cuma kali ini kita meletakkan satu lagi syarat tambahan iaitu mereka perlu menggunakan aplikasi MySejahtera dan semua data privasi tertakluk kepada *Personal Data Protection Act* (PDPA), dengan izin. Jadi perkara-perkara yang ini yang melibatkan komunikasi. Saya berharap komunikasi di bawah Kerajaan Perikatan Nasional lebih baik berbanding Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua, saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Masa 30 saat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Sejauh mana pelaksanaan sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas di bawah ePENJANA? Seterusnya kita tahu bahawa Bantuan Prihatin Nasional kepada 10.6 juta rakyat melibatkan RM11.2 bilion ini adalah satu perkara yang amat dialu-alukan. Rakyat ingin sekali lagi perkara itu dibuat. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan Bantuan Prihatin Nasional 2.0 misalnya, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat merupakan salah satu inisiatif yang telah terlaksana di bawah Pakej PENJANA. Inisiatif ini merupakan inisiatif sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas seperti OKU, ibu tunggal.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah peruntukan RM110 juta. Bagi OKU pembayaran telah dibuat sebanyak RM55.71 juta manakala *one-off* untuk ibu tunggal RM2.88 juta. Manakala *one-off* kepada khidmat bantu di rumah RM0.54 juta.

Namun Yang Berhormat, kita akui pelaksanaan kita menghadap isu berkaitan senarai nama ibu tunggal yang layak menerima bantuan *one-off* dan sekarang pihak ICU dan JKM sedang membuat pemetaan data bagi memastikan mereka yang benar-benar layak akan menerima bantuan di bawah PENJANA.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian adalah berkaitan BPN. Seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam siri-siri jawapan yang lepas memang ada permintaan untuk kita laksanakan Prihatin Nasional 2.0 tetapi kerajaan juga harus melihat keadaan kewangan semasa. Sekiranya kita berpandangan ada keperluan untuk dilaksanakan pada masa akan datang *insya-Allah* Yang Berhormat Pontian

yang saya rasa cekal untuk memperjuangkan kebajikan rakyat kita akan laksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Parlimen [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Timbalan Menteri. Pernyataan jawapan lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: *Last day, last landing* pagi ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

*Pergi ke Asap mencari buah delima,
Pergi ke Belaga mencari buah rambutan,
Soalan Hulu Rajang nombor lima,
Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.*

5. **Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sekiranya pihak kementerian bercadang untuk membina baru atau menaik taraf klinik kesihatan di Data Kakus, Tatau, Bintulu dan naik taraf di Sg. Asap Belaga.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Rajang. Tuan Yang di-Pertua, kawasan Data Kakus di Tatau ini mempunyai penduduk seramai 1,000 orang dan diduduki lima buah panjang. Buat masa ini perkhidmatan kesihatan disampaikan melalui perkhidmatan kesihatan bergerak darat iaitu pasukan *village health team* yang turut dianggotai oleh pegawai perubatan daripada Klinik Kesihatan Bintulu. Kalau dulu memang kita gunakan *flying doctor service* tapi oleh kerana sudah ada jalan akses, maka sekarang kita gunakan *village health team*.

Kehadiran pesakit pada setiap lawatan ke sana adalah lebih kurang 70 orang pesakit sehari. Lawatan tersebut akan mengambil masa tiga ke empat hari dan diadakan sekali sebulan.

Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina sebuah klinik kesihatan di kawasan Data Kakus dan kini sedang mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pembinaan klinik tersebut.

Bagi klinik kesihatan Sungai Asap pula, ia merupakan sebuah klinik kesihatan jenis empat dan kedatangan purata harian sebanyak 130 lebih sehari. Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan, klinik Asap ini telah dinaik taraf menjadi klinik induk bagi kluster klinik di daerah Belaga pada tahun 2018. Klinik induk ini merupakan pusat rujukan bagi klinik-klinik di kawasan Asap termasuk klinik Sungai Koyan, klinik Uma Sambub, klinik Sarawak Hidro, klinik Tubau dan mereka berkongsi semua-semua seperti makmal, x-ray dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, RM700,000 telah diperuntukkan untuk membeli peralatan perubatan. Selain dari itu juga, klinik kesihatan Sungai Asap mempunyai

73 staf termasuk lima pegawai perubatan dan klinik perkhidmatan pergigian pun telah diluluskan untuk dibangunkan di Asap dan dalam peringkat perolehan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Parlimen [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan pertama Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih, tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri keperluan yang amat mendesak sekarang ialah mesin dialisis dan *CT scan* untuk klinik Belaga, klinik Asap juga. Juga kepada Yang Berhormat tadi tidak menjawab persoalan saya iaitu klinik di Tubau perlu dinaik taraf Yang Berhormat.

Okey, Yang Berhormat untuk fakta dan justifikasinya daerah kecil Sungai Asap telah meningkat daripada kes pesakitnya 600 orang hingga 900 orang setahun pada 2016-2019. Maka dengan itu kesesakan berlaku kalau hendak rujuk ke Bintulu Yang Berhormat. Jadi selain itu klinik Sungai Asap memerlukan naik taraf bukan sahaja peralatan, malah infrastruktur bangunan klinik Sungai Asap.

■1110

Yang Berhormat tahu Klinik Kesihatan Sungai Asap ini dibina oleh Sarawak Hidro. Jadi saya ingat spesifikasinya projek kesihatan ini tidak mengikuti spec seperti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan pendawaianya sudah lumpuh, bangunannya pun sangat usang.

Jadi, soalan saya ialah bila dibina atau dinaiktarafkan? Juga, saya mohon supaya kementerian— dalam PENJANA, kita ada RM1 bilion untuk Kementerian Kesihatan supaya peruntukan diangkat dan diberikan untuk membina hospital baharu Sungai Asap. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya memang sedar dan mengetahui keadaan di sana. Saya dan Yang Berhormat Hulu Rajang telah pun melawat ke kawasan Sungai Asap dan apa yang diadukan oleh Yang Berhormat dalam perhatian. Kita juga mengetahui bahawa setiap tahun kita mempunyai tidak kurang daripada 500 hingga 600 orang untuk refer ke hospital di Bintulu untuk rawatan selanjutnya.

Perancangan yang panjang, kita telah pun berbincang dan telah pun bersetuju dalam jangka masa panjang untuk membina sebuah hospital berdekatan dengan Sungai Asap di persimpangan Murum dan Bakun Hidro. Kita juga telah berbincang dengan kesemua Ahli Yang Berhormat di kawasan tersebut dan ini akan dimajukan di tempat, *new township* yang akan dibina di kawasan tersebut dan ia akan mengambil masa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, lupa lagi. Kenderaan untuk membawa barang-barang pesakit ke kawasan Bintulu sudah tua, Yang Berhormat. Rosak, Yang Berhormat.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Baram.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Empat ratus ribu kilometer, Yang Berhormat. Minta mohon berikan kenderaan baharu kepada Sungai Asap.

Datuk Aaron Ago Dagang: Kita memang sudah mempunyai peruntukan RM300,000 untuk satu *rent for ambulans* ke Bintulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua, sila Yang Berhormat Baram.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 30 saat.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang saya bangkitkan ini bukan berkaitan dengan Sungai Asap tetapi dengan klinik kesihatan. Klinik Kesihatan Long Lama pada masa ini sedang beroperasi di Dewan Masyarakat Long Lama yang telah pun dibaik pulih untuk memenuhi dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai di situ oleh sebab kejadian tanah runtuh satu bulan yang lepas. Saya dimaklumkan oleh pihak kementerian bahawa pihak kementerian ada komitmen untuk melaksanakan pembaikan keadaan Klinik Kesihatan Long Lama supaya perkhidmatan di situ akan menjadi seperti sedia kala.

Saya memohon daripada pihak kementerian, bilakah kerja-kerja ini akan dilaksanakan ataupun bilakah projek-projek ini akan siap? Supaya perkhidmatan kepada orang ramai tidak terjejas memandangkan kawasan Klinik Kesihatan Long Lama ini adalah untuk keperluan kira-kira 20,000 orang penduduk di kawasan itu. Berapakah peruntukan yang telah diluluskan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Baram. Kementerian memang sedar keadaan yang telah berlaku di Klinik Kesihatan Long Lama disebabkan tanah runtuh. Maka beberapa projek akan dilaksanakan di sana.

Satu adalah untuk membaik pulih atau membina baharu jalan akses kepada kuarters-kuarters staf di sana sebab jalan tersebut sudah runtuh dan perlu dinaik taraf, perlu dibaiki. Peruntukan telah pun diluluskan pada 3 Julai. Kontraktor telah pun dilantik dan sekarang ini kontraktor sedang mengambil masa untuk membawa kenderaan berat dan bahan binaan untuk kawasan tersebut. Kita difahamkan bahawa kerja baik pulih akan bermula pada hujung bulan Ogos ini.

Projek yang lebih besar adalah tebatan tanah runtuh sebab tanah runtuh yang menyebabkan klinik itu tidak boleh digunakan dan sekarang perkhidmatan klinik

adalah ditempatkan di sebuah dewan. Untuk projek ini, ia akan mengambil kos yang agak tinggi dan memerlukan tender atau sebut harga. Tender dokumen telah pun siap dan akan dihantar kepada JKR Sarawak pada 28 Ogos ini untuk proses tender. Terima kasih.

6. **Puan Noorita binti Sual [Tenom]** minta Menteri Pendidikan menyatakan di bawah kerajaan yang baru ini apakah status dan berapa jumlah projek pembinaan atau menaiktarafkan sekolah-sekolah tidak selamat atau sekolah-sekolah daif di Sabah. Dapatkan kementerian membina sebuah sekolah menengah baru di kawasan Kemabong Tenom bagi mengatasi masalah kesesakan dan pembelajaran dua sesi di SMK Kemabong Tenom.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2016 hingga 2020, jumlah peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM1.252 bilion untuk naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di 237 buah sekolah di seluruh Sabah. Bagi tahun 2017 hingga 2019, sejumlah RM630.7 juta telah disalurkan. Manakala bagi tahun 2020, sejumlah RM621.2 juta diperuntukkan bagi tujuan yang sama.

Berdasarkan status pelaksanaan projek di negeri Sabah sehingga 25 Ogos 2020, sebanyak 150 buah projek telah siap di mana sebanyak 129 telah dikeluarkan *Certificate of Practical Completion (CPC)* atau *Certificate of Partial Occupation (CPO)* dan sebanyak 21 projek dalam proses mendapatkan CPO. Baki tiga projek lagi masih dalam pembinaan, 19 projek dalam proses perolehan dan 65 projek dalam fasa pra bina.

Di samping itu, KPM juga menerima sejumlah RM410 juta peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Peruntukan tersebut adalah bagi kerja menaiktarafkan, baik pulih dan selenggara kemudahan di sekolah. Kesemua peruntukan ini telah disalurkan ke jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah bagi bulan April 2020.

Bagi negeri Sabah khususnya, sejumlah RM125 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan projek ini. Peruntukan ini dijangka akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 391 buah sekolah di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengambil maklum mengenai masalah kesesakan murid di SMK Kemabong, Tenom. Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sedang mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pembinaan sebuah sekolah menengah baharu di Daerah Tenom. JPN Sabah akan mengemukakan cadangan pembinaan sekolah tersebut kepada KPM untuk dipertimbangkan dalam permohonan Rancangan Malaysia Ke-12.

Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. Sekian, terima kasih.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, SMK Kemabong ini kalau dua tahun yang lalu, jumlah pelajarnya adalah lebih kurang dalam 1,200 orang dan tahun ini, saya dimaklumkan jumlah pelajarnya sudah seramai 1,512 orang. Jadi, sebenarnya masalah kesesakan di SMK Kemabong ini semakin serius.

Saya juga sebenarnya dimaklumkan bahawa Lembaga Industri Getah Sabah bersedia untuk menyediakan tapak seluas 30 ekar di kawasannya di Kuala Tomani. Jadi, saya mohon keseriusan dan komitmen daripada kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Sebenarnya terkait dengan sekolah daif ini, saya ingin bertanya tentang Sekolah Rendah Kemabong. Apakah status pembinaan sekolah baru? Sebab saya difahamkan dua tahun lalu dana sudah ada, cuma masalah tapak. Bagi SMK Kemabong pula, dana tidak ada tetapi ada tapak. Jadi saya mohon daripada kementerian untuk mencari penyelesaian bagi masalah ini.

■1120

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. KPM sentiasa prihatin dan berusaha untuk menyelesaikan kesemua masalah yang ada. Untuk makluman, sudah tentunya kita sedia maklum bahawa kepadatan penduduk dan permintaan daripada masyarakat semua diambil kira. Jadi, saya mengambil maklum apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dan kita akan mengkaji dan akan buat yang terbaik untuk SK dan SMK Kemabong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan kedua, saya menjemput Yang Berhormat Lubok Antu.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan sekolah daif di SK Nanga Tibu, Batang Ai, Lubok Antu. Begitu sedih sekali apabila waran sekatan anggaran perbelanjaan mengurus sekolah itu telah dibatalkan pada bulan Julai yang lepas.

Memandangkan saya memahami kegawatan ekonomi sekarang ini, tetapi keutamaan harus diberikan kepada keselamatan murid dan guru-guru memandangkan sekolah itu begitu daif dan uzur sekali. Kalau kita tengok daripada gambar yang telah dibuat laporan daripada sekolah dan guru besar di sana, seharusnya waran itu tidak dibatalkan. *[Menunjukkan sekeping gambar]* Saya mohon kementerian untuk mengkaji balik dan penarikan balik waran dan teliti semula perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. Memang sedih saya melihat gambar yang ditunjukkan. Seperti mana yang saya terangkan tadi, keselamatan murid sentiasa menjadi keutamaan kita bagi pihak KPM. Untuk waran yang dikatakan ditarik balik dan kita akan kaji semula dan mengemukakan sekali lagi permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk kita membantu. Saya setuju dengan Yang Berhormat Lubok Antu bahawa mana-mana sekolah yang perlu dan sangat daif perlu kita dan sentiasa menjadi keutamaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Simpang Renggam hendak juga kah?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cuma 30 saat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: 30 saat. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada sekolah yang kondusif, kita juga lihat suasana kondusif di kalangan guru juga amat penting. Oleh sebab itu, di waktu pentadbiran yang lepas kita menekankan konsep *love, happiness and mutual respect* dengan izin ataupun kasih sayang, kebahagiaan dan juga saling menghormati yang mana berdasarkan pada konsep *happiness* ataupun kebahagiaan itu kita telah meringankan 50 peratus daripada beban para guru. Ini hasil daripada libat urus berterusan dan juga konsultasi kita dengan NUTP. Pada tahun 2019, sebanyak 50 persen beban para guru telah berjaya dikurangkan dan guru gembira dan hasilnya pembelajaran yang lebih berkualiti, pendidikan yang lebih berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak murid.

Persoalan saya, apakah KPM pada waktu ini akan meneruskan usaha untuk meringankan beban para guru dan apakah langkah-langkah seterusnya ataupun mereka akan kembali kepada membebankan pada guru. Ini kerana kita dengar SKPMg2 dikembalikan ke sekolah-sekolah. Soalan kedua saya ialah berkaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu sahaja soalan Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ini ada kaitan, berkaitan dengan kebahagiaan juga iaitu pada yang lepas kita telah menghapuskan peperiksaan bagi Tahap 1, Darjah 1 sehingga Darjah 3. Apakah KPM bercadang untuk meneruskan penghapusan peperiksaan Tahap 2 iaitu Darjah 4 sehingga Darjah 6? Kedua-duanya berkaitan dengan *happiness* ataupun kebahagiaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Kebahagiaan, *mutual respect* dan *love* memang sentiasa menjadi tumpuan dan keutamaan untuk KPM. Malahan banyak langkah yang telah diambil

untuk memastikan bukan sahaja meneruskan tetapi untuk memastikan ketiga-tiga aspek tersebut sentiasa terpelihara. Kita sentiasa mementingkan kesejahteraan cikgu-cikgu untuk membolehkan mereka bekerja dalam satu suasana yang sangat bahagia, sangat sejahtera dan untuk mempertingkatkan lagi *output* pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid. Untuk menjawab secara spesifik, akan saya salurkan secara bertulis. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Soalan kedua tadi yang berkaitan dengan peperiksaan tahap kedua, apakah akan dihapuskan juga?

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Itu yang saya sebut tadi akan saya salurkan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis. Baik. Sila Yang Berhormat Tanjong Manis.

7. **Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah perancangan untuk membina sebuah pondok polis di Pulau Brui kerana balai polis terdekat hanya ada di Bandar Baru Tanjung Manis dan Daro yang agak jauh dari Pulau Brui.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Pulau Brui, Sarawak ini berada dalam bidang kuasa pentadbiran Ibu Pejabat Daerah Matu Daro dan balai polis yang berhampiran untuk menjaga ke Pulau Brui adalah Balai Polis Daro. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat ini berdasarkan kepada keadaan keamanan dan juga kadar indeks jenayah di pulau tersebut, KDN belum bercadang untuk mewujudkan satu balai polis yang baharu.

Akan tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada dalam dewan ini akan mendengar bahawa keperluan semasa berdasarkan jenayah indeks dan berdasarkan kapasiti penduduk yang telah mele过si 10,000 orang di Pulau Brui tersebut dan juga mengenai sosial ekonomi bahawa Yang Berhormat Menteri sangat prihatin. *Insya-Allah*, kita akan bincang dan kita perhalusi permohonan Yang Berhormat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tanjung Manis, soalan tambahan.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu menggembirakan kami di Pulau Brui. Soalan tambahan saya, lebih kurang 100 kilometer dari Pulau Brui terdapat sebuah kampung iaitu Kampung Belawai yang padat penduduk. Ia mempunyai lebih 800 keluarga dan lebih 3,000 penduduk. Di kampung ini ada pantai peranginan tumpuan pelancong yang panjang dan cantik iaitu Pantai Belawai, kadang-kadang dipanggil Pantai Lawai.

Ada sebuah balai polis yang mula beroperasi pada tahun 1973 mempunyai tujuh orang warga kerja termasuk kerani dan kemudahannya cuma ada sebuah kereta Hilux, tidak ada kemudahan bot dan tidak ada kuarters. Operasinya di sebuah bangunan yang dimiliki oleh kerajaan negeri yang sudah lama dan sangat usang. Ini bukan merupakan soalan sebenarnya tetapi permohonan kepada kementerian supaya membaiki atau membina baharu sebuah balai polis di Kampung Belawai dan menambah kemudahan seperti kenderaan bot dan kuarters untuk pegawai-pegawai. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih dan saya faham bahawa Balai Polis Belawai ini mempunyai keanggotaannya enam orang iaitu seorang sarjan, seorang koperal dan empat orang lans koperal dan ada sebuah kenderaan Hilux yang telah kita bekalkan dan balai polis yang berhampiran boleh membantu untuk Balai Polis Belawai ini ialah Balai Polis Tanjong Manis yang berhampiran iaitu sejauh 24 kilometer.

Seperti mana yang saya nyatakan di awal tadi bahawa kita akan mengkaji dari segi indeks jenayah, kita akan mengkaji dari segi kapasiti penduduk dan juga sosioekonomi. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sangat prihatin mendengar permohonan ini. Terima kasih.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua, sila Yang Berhormat Igan.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tanjong Manis tadi amat berkait rapat dengan kawasan Parlimen saya iaitu Igan di mana dari segi pentadbiran dan pengawasan kawasan keselamatan di Pulau Brunei seperti yang disebut tadi terletak di bawah kawalan Balai Polis Daro iaitu terletak di bawah Parlimen saya. Dalam hal ini saya ada memohon dibina sebuah IPD baharu di Daro. Atas keperluan yang sangat mendesak dari segi keselamatan kena jumlah penduduk yang semakin ramai.

Menurut Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam jawapan lisan yang saya kemukakan di dalam Dewan ini, IPD Daro akan dimasukkan di dalam *rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-12.

■1130

Jadi, saya memohon sangat-sangat supaya IPD ini nanti akan benar-benar dilaksanakan dan kalau boleh, dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Pertama ataupun *Rolling Plan* Kedua dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini kerana Balai Polis Daro ini sudah terlalu daif dan berusia 40 tahun, lebih-lebih lagi saya rasa Yang Berhormat

Timbalan Menteri ini— Menteri Dalam Negeri ini adalah seorang sahabat baik saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih. Permohonan yang sama dan kita akan mengkaji keperluan semasa. Saya percaya Yang Berhormat Menteri kita sangat prihatin dan kita akan mengkaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya benarkan dua sahaja. Saya ingin menjemput seterusnya Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sebelum saya mulakan soalan saya, Padang Serai ini bermula dengan sebuah pantun,

*Bersimpul iman berapa amalan,
Sehangat pesara membilang angan,
Tunku Abdul Rahman Bapa Kemerdekaan,
Soalan saya nombor lapan,*

Mohon menjawab Timbalan Menteri.

8. Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] minta Menteri Kesihatan menyatakan pelan seperti yang dijanjikan dalam manifesto PRU-14 dalam menyelesaikan isu doktor-doktor muda atau *houseman* yang terpaksa menunggu terlalu lama untuk *posting*.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah Yang Berhormat Padang Serai kerana begitu prihatin dengan nasib anak-anak muda graduan perubatan kita. Jadi, Bagan Serai tidak akan pantun. Bagan Serai akan jawab Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan bagi memendekkan tempoh masa menunggu graduan perubatan bagi menjalani latihan siswazah melalui pendekatan-pendekatan berikut. Di sini ada empat pendekatan:

- (i) menambahkan bilangan hospital latihan siswazah iaitu daripada 38 buah pada tahun 2009 kepada 48 buah pada tahun 2019. Berdasarkan perancangan KKM, sebanyak enam buah lagi hospital dalam proses penelitian untuk pelaksanaan program latihan siswazah;
- (ii) bekerjasama dengan konsortium hospital universiti awam Malaysia bagi meningkatkan slot latihan siswazah di hospital universiti seperti PPUM, HUKM dan HUSM sehingga sejumlah 950 slot bagi menampung penempatan pegawai perubatan siswazah Gred UD41 menjalani latihan siswazah;

- (iii) slot latihan siswazah telah ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,153 hingga kini; dan
- (iv) meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baharu dan sedia ada bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada pegawai perubatan siswazah berkenaan.

Selain daripada langkah tersebut, kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium penawaran kursus baharu bidang perubatan di IPT dalam negara sejak 2011 sehingga 2021 dan telah memohon agar dilanjutkan selama lima tahun lagi sehingga 2026. Moratorium tersebut meliputi tiga aspek berikut:

- (i) tiada penambahan universiti kolej perubatan yang baharu;
- (ii) tiada penambahan program pengajian perubatan yang baharu; dan
- (iii) tiada pertambahan kuota pelajar pengajian perubatan yang baharu.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila soalan tambahan yang pertama.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya ada dua soalan. Saya ingin bertanya, saya percaya pandemik COVID-19 ini akan menyaksikan bahawa negara memerlukan lebih ramai kepakaran doktor muda di fasilitet kesihatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, berapakah ramai doktor muda telah dipanggil untuk berkhidmat semasa pandemik melanda negara?

Soalan kedua, saya ingin bertanya, berapakah peratus *houseman* yang gagal menghabiskan latihan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri nyatakan data ini dari tahun 2016 sehingga 2019? Kalau tidak dapat jawab, bolehlah beri tulisan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hanya benarkan satu soalan tambahan tetapi dah sebut dua. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Panjang soalan Yang Berhormat Padang Serai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, semasa pandemik COVID-19 ini, memanglah KKM telah mobilisasikan segenap kakitangan hospital. Daripada doktor kepada jururawat, kepada pembantu perubatan dan sebagainya. Antaranya ialah memobilisasikan doktor-doktor muda ini yang baru habis latihan siswazah kepada

tempat-tempat yang lebih memerlukan untuk membantu menangani masalah COVID-19.

Kedua ialah juga menggunakan mengambil doktor-doktor yang sudah dalam khidmat wajib umpamanya, yang habis khidmat wajib sebagai pengambilan secara kontrak servis untuk selama enam bulan contohnya, untuk membantu bagaimana kita hendak menangani masalah COVID-19 di negara kita ini. Mereka ini diberikan peluang untuk melanjutkan perkhidmatan sebagai pegawai perubatan yang di masa kontrak ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan semenjak tahun 2016, para graduan yang belajar bidang kedoktoran memerlukan dua tahun untuk *housemanship* selepas lima hingga enam tahun belajar. Kemudian, diberikan kontrak hanya dua tahun. Selepas kontrak ini berakhir, dia tiada lagi ketentuan apakah nasib mereka. Saya bimbang perkara ini akan mengurangkan minat pelajar-pelajar yang akan mengambil jurusan kedoktoran pada masa hadapan dan akhirnya, kita terpaksa mengimport para doktor daripada luar.

Jadi soalan saya, apakah perancangan pihak kerajaan untuk mencari penyelesaian kepada isu ini dengan menjadikan jawatan tetap, dengan mewujudkan jawapan tetap atau sekurang-kurangnya pun jawatan tetap tidak berpencen. Ini kerana saya difahamkan sudah ada yang belajar kedoktoran, tetapi tukar profesi kepada menjadi guru. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak kekeliruan yang berlaku. Saya melihat, sebenarnya dasar ini pada tahun 2015. Dasar penggunaan sumber manusia secara optimum dan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam telah dilaksanakan. KKM pada tahun 2016 telah melaksanakan dasar pengambilan secara kontrak. Pengambilan secara kontrak, kita tidak boleh lihat sebagai benda yang negatif. Sebenarnya oleh sebab kekurangan hospital siswazah, latihan siswazah dan lambakan doktor-doktor yang datang sejumlah 5,000 hingga 6,000 setahun daripada dalam dan luar negara telah menyebabkan kelambatan dan kelewatan. Juga, sebab dasar ini kita tidak boleh menambah perjawatan baharu. Jadi bila ada kontrak ini, maknanya kerajaan—graduan-graduan baharu ini tidak perlu menunggu sehingga ada jawatan kosong. Mereka boleh masuk dengan cara yang lebih mudah iaitu dengan cara mendaftar dengan MMC dan juga SPA dan tidak ada *interview* dan terus

mendapat peluang untuk menambahkan ilmu dan pengalaman mereka sebagai doktor. Kerajaan kita memberikan selama lima tahun kontrak, tiga tahun untuk latihan siswazah dan dua tahun untuk khidmat wajib. Selepas itulah baru kontrak itu habis.

Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, pemberian kontrak itu telah membantu banyak anak muda yang balik dan tidak payahlah tunggu begitu lama. Kalau dahulu tunggu selama sembilan bulan hingga lebih sampai setahun, tetapi kini hari ini dengan usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan ini dengan sistem kontrak ini, maka masa menunggu telah dipendekkan sehingga selama enam bulan. Kita telah juga menambahkan lagi slot-slot di dalam hospital-hospital dan juga kerajaan seperti yang saya nyatakan tadi, akan menambah lagi hospital latihan siswazah dan menambah lagi pakar-pakar untuk menyelia doktor-doktor muda hari ini.

Jadi, kerajaan sangat prihatin dan sentiasa memikirkan bagaimana untuk memendekkan masa menunggu anak-anak muda kita yang baru *graduate* daripada Fakulti Perubatan ini. Jadi, kita kena lihat ini sebagai perkara yang baik dan *insya-Allah*, seperti yang saya katakan pernah katakan dahulu, kekosongan jawatan itu penting. Ini bergantung kepada berapa orang doktor contohnya, yang telah bersara ataupun telah berpindah, tidak bekerja dengan kerajaan lagi. Ini memberikan jawatan atau tempat-tempat kosong untuk doktor-doktor muda ini masuk. Sudah tentulah pemilihan—banyak juga yang bertanya tentang pemilihan, bagaimana pemilihan, apa kriteria pemilihan. Memang ada kriteria yang ketat. Sebab apa, bagaimana prestasi anak muda ini yakni doktor muda ini, laporan daripada ketua jabatan iaitu penilaian ketat daripada jawatankuasa pemilihan dan juga di pengurusan tertinggi.

■1140

Akhirnya, kes ini akan dibawa kepada SPA untuk penilaian akhir sebelum dilantik kepada jawatan yang tetap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Jadi, mewujudkan sistem kontrak ini sebenarnya telah menolong anak-anak muda kita untuk mendapatkan pekerjaan yang baik di KKM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Hendak tambah. Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Gerik tetapi Yang Berhormat Gerik tidak ada dalam Dewan. Saya beri soalan tambahan ketiga kepada Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soalan doktor siswazah memang

masalah yang kronik. Kita tahu apabila seorang graduan perubatan itu perlu tunggu enam bulan atau sembilan bulan untuk dapat *posting* sebagai *houseman*, ini akan menjelaskan prestasi mereka semasa *housemanship*. Saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti saya sebagai doktor pun tahu semasa kita buat *housemanship*, kita buat setahun sahaja dan ini tidak pun menjelaskan prestasi kita sebagai doktor.

Adakah kementerian bercadang untuk mengurangkan tempoh latihan yang sepanjang 24 bulan ini ke tempoh yang lebih singkat supaya kita boleh melatih lebih *houseman* dalam masa yang lebih singkat? Sekian.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdepan dengan mantan Timbalan Menteri Kesihatan dan juga senior saya di universiti hari itu.

Jadi, memang masa zaman kita dulu. Yang Berhormat, kita hanya satu tahun tetapi itu zaman kita. Sekarang kita lihat ia begitu lama kerana kerajaan ingin memastikan bahawa kualiti doktor yang dilahirkan. Hari ini doktor dilahirkan di Malaysia ada berapa ramai hari ini. Kita ada 31 institut perubatan di negara kita dan juga ramai doktor yang balik dari Indonesia, dari Bangladesh, dari *Egypt*, dari luar negara yang diakreditasikan oleh Kerajaan Malaysia. Jadi, kualiti itu yang kita hendak *maintain*. Oleh sebab itu, kerajaan pada hari itu telah mewujudkan 24 bulan. Sama ada dua tahun atau satu tahun, itu bergantung kepada kualiti yang kita lahirkan hari ini.

Tentang graduan terpaksa menunggu enam bulan dan selebihnya, sebenarnya kita KKM telah mewujudkan juga *attachment*, iaitu kursus sangkutan. Maknanya dia boleh *attach* dengan hospital supaya dia dapat mengikuti perkembangan perubatan, dapat belajar contohnya ambil darah dan sebagainya, supaya ilmu dan kecekapan dia itu tidak tergugat apabila dia mula bekerja nanti. Jadi, adalah cara-caranya yang diwujudkan oleh kerajaan. Saya percaya, kalau kualiti yang kita lahirkan daripada apa yang telah diajarkan di KKM, di hospital ini baik, maka untuk menurunkan kepada satu tahun bukan satu perkara yang mustahil. Terima kasih.

[Soalan No. 9 – YB .Dato' Hasbullah bin Osman (Gerik) tidak hadir]

10. **Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan penstrukturkan semula Syarikat Lebuhraya Utara Selatan, sama ada perjanjian penstrukturkan telah dimuktamadkan. Apakah anggaran penjimatan yang akan dinikmati oleh pihak pengguna lebuhraya dan pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan untuk setiap tahun sehingga penamatkan konsesi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Damansara.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya PLUS dibina secara penswastaan melalui kaedah bina, kendali, pindah ataupun *build, operate, transfer* (BOT) dan kerajaan telah menandatangani perjanjian konsesi dengan syarikat Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) pada 18 Mac 1988. PLUS kini dimiliki penuh oleh Khazanah Malaysia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan pegangan masing-masing sebanyak 51 peratus Khazanah dan 49 peratus KWSP.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, PLUS memiliki tujuh lebuh raya bertol iaitu:-

- (i) Lebuhraya Utara Selatan;
- (ii) Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE);
- (iii) Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA);
- (iv) Lebuhraya Seremban-Port Dickson;
- (v) Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE);
- (vi) Jambatan Pulau Pinang; dan
- (vii) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2).

Kerajaan Pakatan Harapan telah membuat keputusan pada 22 Januari tahun ini untuk menstrukturkan semula lebuh raya bertol yang dimiliki oleh PLUS dan telah bersetuju antara lain dalam perkara-perkara berikut:-

- (i) Khazanah Nasional Berhad dan KWSP kekal sebagai pemilik PLUS;
- (ii) kerajaan melaksanakan pengurangan kadar tol secara purata sebanyak 18 peratus pada kenderaan persendirian berkuat kuasa 1 Februari 2020; dan
- (iii) tempoh konsesi PLUS akan dilanjutkan selama 20 tahun dari tahun 2038 hingga tahun 2058 manakala tempoh konsesi LPT 2 dilanjutkan sehingga 2054.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, semua pengguna lebuh raya milik PLUS kecuali Kelas 2 dan Kelas 3 telah menikmati diskaun kadar tol secara purata sebanyak 18 peratus. Mengikut anggaran kerajaan terdahulu, pembayaran diskaun ini dijangka akan memberikan penjimatan sehingga kira-kira RM1,137 juta setahun kepada pengguna Lebuhraya PLUS sehingga 31 Disember 2038.

Pada Jun 2020, Kerajaan Perikatan Nasional telah membuat keputusan untuk berunding semula keputusan lebuh raya PLUS. Antara perkara yang sedang diteliti oleh kerajaan adalah kaedah pelaksanaan penstrukturran PLUS dengan mengambil kira beberapa kepentingan termasuklah kepentingan Kerajaan Persekutuan, kepentingan rakyat Malaysia, kepentingan Khazanah Nasional,

kepentingan KWSP dan kepentingan pemegang sukuk. Kerajaan akan menjalankan analisis kesan jangka panjang terhadap ekonomi negara secara keseluruhannya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, cadangan struktur semula syarikat PLUS sedang diteliti oleh beberapa pihak termasuklah Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri. Memorandum Jemaah Menteri bersama akan disediakan dalam masa terdekat dan ia akan dirujuk kepada Jemaah Menteri dan keputusan yang sewajarnya akan dibuat oleh pihak kerajaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tanya, dalam satu penstruktur semula yang telah pun dibuat oleh kerajaan dahulu, rakyat akan jimat RM1.1 bilion seperti apa yang disebutkan oleh Menteri tadi. Selama sepanjang konsesi, rakyat dan juga kerajaan, oleh kerana tidak perlu lagi bayar pampasan, kita akan jimat sebanyak RM42, RM43 bilion. So, kerajaan jimat, rakyat jimat, Khazanah dan juga EPF puas hati dengan penstruktur semula kerana mereka tidak rugi. Apa sebabnya satu penilaian semula perlu dibuat oleh kerajaan sekarang?

Saya baca daripada surat khabar, kenyataan daripada Menteri Kerja Raya kata *review* atau semakan semula yang perlu dibuat oleh kerajaan adalah sebab konsesi lain terjejas akibat pengurangan tol yang memanfaatkan rakyat Malaysia. Maksudnya, Kerajaan Perikatan Nasional bimbang kroni-kroni yang lain bagi tol *highway* yang lain rugi walaupun rakyat sebenarnya yang perlu diutamakan supaya mereka dapat manfaat kurangkan tol terutamanya daripada PLUS kerana ia merupakan tol yang paling besar di seluruh Malaysia. Kita hendak tahu, apakah sebabnya semakan semula perlu dibuat?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Damansara. Satu soalan iaitu kenapa hendak kaji semula. Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya baru masuk.

Benarlah bagi pihak Yang Berhormat, beliau pernah membuat kenyataan bahawa antara sebab kenapa hendak dikaji semula ialah kesannya kepada lebuh raya lain. Itu kenyataan tidak boleh dipertikaikan ya. Itu perkara pertama yang saya hendak sebutkan.

Keduanya berkaitan dengan penjimatan kerajaan. Itu pandangan Yang Berhormat Damansara. RM40 bilion kerajaan— itu pandangan Yang Berhormat Damansara. Tetapi angka sebenarnya mungkin bukan...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Itu merupakan pengiraan daripada Khazanah dan EPF sendiri, bukan daripada Damansara.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Okey, saya jawab soalan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Itu pandangan daripada EPF dan Khazanah. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya jawab soalan kenapa...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Soalanlah, bukan *debate*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Takkannya EPF dan Khazanah salah.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Damansara, dengar jawapan dulu. *Finish up the answer, yes.* Silakan dengan izin.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Soalan Yang Berhormat Damansara kenapa— satu soalan sahaja, *simple* sahaja. Yang tadi *observation*, pemerhatian, kenapa dikaji semula. Apabila dikaji semula, biasanya hendak buat lebih baiklah. Maknanya kita belum dapat muktamad lagi. Adalah terlalu awal untuk saya menyatakan apa penyelesaiannya. Tetapi apabila dikaji semula, sudah pasti kalau lebih teruk daripada dulu, buat apa kaji semula? Maknanya bila kaji semula, penyelesaiannya saya hendak nyatakan di sini bahawa, *insya-Allah*, akan merujuk kepada mungkin terma-terma yang lebih baik.

■1150

Akan tetapi apa pun kita tidak boleh buat keputusan lagi kerana perkara ini masih lagi dalam perbincangan. Ingin dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perbincangan di peringkat akhir. Perbincangan ini adalah di antara Kementerian Kerja Raya; Yang Berhormat Menteri Kanan ada, Kementerian Kewangan dan UKAS di EPU. Kita sebut tadi ada lima *stakeholders* ya. Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia, Khazanah, KWSP dan *bondholders*, pemegang sukuk. Jadi dalam membuat kajian, kita akan mengambil kira semua lima kepentingan dan sudah pasti apabila kita kaji semula ia bermakna bahawa kita merasakan bahawa penyelesaian yang dibuat oleh Kerajaan PH boleh diperbaiki lagi. Itu sebab kenapa dibuat kajian semula.

Kita tidak buat kajian untuk memudaratkan keadaan, sudah pasti. Kita membuat kajian semula, biasanya mana-mana kajian semula ialah untuk memurnikan dan untuk memperbaiki keadaan. Jadi tanggapan Yang Berhormat Damansara bahawa kita hendak kaji semula ini kerana kita lebih teruk lagi, ini adalah andaian tidak benar. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Pengumuman daripada Menteri, Menteri Kerja Raya, bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan seterusnya saya jemput Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Saya mulakan soalan pagi ini dengan berpantun Tuan Yang di-Pertua.

*Sungguh enak ketupat palas,
Beli di Kampung Buyong untuk dibawa pulang,
Soalan saya nombor sebelas,
Berkaitan pembinaan Jambatan Pasir Kelang.*

Terima kasih.

11. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah projek Jambatan Pasir Kelang akan dimulakan dan apakah halangan yang menyebabkan kelewatan projek ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua projek membina jambatan antara Kampung Pasir Era ke Kampung Pasir Kelang, Kelantan telah diiklankan oleh pihak JKR Malaysia pada 30 Jun 2020. Skop projek ini adalah melibatkan pembinaan jambatan sepanjang 400 meter dan jalan sepanjang satu kilometer dengan standard JKR R2. Projek ini disasarkan dapat disiapkan dalam tempoh 24 bulan.

Berhubung dengan halangan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh kelewatan kelulusan pengambilan balik tanah. Namun perkara ini telah dapat diselesaikan dan bayaran pampasan tanah juga telah pun dibuat kepada pihak-pihak berkepentingan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih atas keprihatinan kerajaan. Ini kerana dengan jawapan ini melegakan penduduk di seberang Sungai Kelantan khususnya dalam Parlimen Kuala Krai. Jambatan ini menghubungkan di antara Kampung Pasir Era ke Pasir Kelang. Jalan sebelah tanah besar, kita panggil tanah iaitu Pasir Era ini iaitu Pasir Era ke Jalan Persekutuan F.T008 adalah merupakan jalan negeri. Tidaklah timbul sebarang masalah besar kerana jalannya telah agak baik tetapi jalan di sebelah Pasir Kelang adalah merupakan jalan kampung yang perlu dinaiktarafkan.

Apakah perancangan pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu KPLB dalam tempoh 24 bulan projek jambatan ini dijangka siap untuk menaik taraf jalan-jalan kampung khususnya di seberang Pasir Kelang menuju ke Pasir Kelang Baru-Buyong terus ke Tanah Merah. Begitu juga dari jambatan tersebut menuju ke Kampung Bahagia untuk menyesuaikan dengan keadaan jambatan yang luas dan selesa setelah siap nanti. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Bagi jalan-jalan ke kampung yang perlu dinaik taraf di kawasan Pasir Era, Yang Berhormat boleh mencadangkan projek-projek tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri sebelum dikemukakan kepada kementerian ini untuk diangkat di bawah *Rolling Plan* Kedua, RMKe-12 tahun 2022 ke EPU, JPM. Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini tertakluk kepada EPU, JPM dan kemampuan kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

12. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: minta Menteri Pengangkutan menyatakan perancangan kerajaan dalam merancakkan pemulihan sektor penerbangan yang terjejas teruk pasca COVID-19.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang yang bertanya. Untuk makluman Yang Berhormat, penularan wabak COVID-19 telah menjaskan industri penerbangan negara. Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac 2020. Jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari 2020 kepada 7,500 sehari bagi bulan Mei 2020.

Berdasarkan unjuran senario trafik penumpang Malaysia tahun ini, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yakni MAVCOM menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 54.3 juta hingga 56 juta iaitu bersamaan dengan *minus 48.7 percent* dengan izin, hinggalah *minus 50.3 percent* dengan izin, iaitu berdasarkan unjuran pada bulan Jun 2020 ini iaitu di mana pada tahun 2019 adalah seramai 109.2 juta penumpang. Sekarang MAVCOM sentiasa menyemak semula unjuran penerbangan ini mengikut perkembangan semasa. Syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa antara 18 bulan bagi sektor domestik dan tiga tahun bagi sektor antarabangsa untuk pulih semula sepenuhnya daripada impak wabak COVID-19 ini.

Sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara, kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Februari 2020 telah bersetuju antara lain supaya Malaysia Airports Holdings Berhad mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontrak dan sekarang ini implementasinya adalah dalam perundingan. Di samping itu semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun hingga 31 Ogos tahun ini, lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak kerajaan termasuk kebenaran untuk

melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan sosial dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual.

Kelonggaran ini telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan udara bagi sektor domestik. Selain itu MOT, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yakni MOTAC dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menggerakkan dan memulihkan sektor pelancongan domestik. Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan usaha kerajaan dalam melaksanakan konsep *travel bubbles* ke beberapa negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun.

Melalui konsep tersebut penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu seperti ujian saringan kesihatan yang ketat sebelum berlepas dan tiba di Malaysia perlu dipatuhi. Dalam hubungan ini cadangan *travel bubbles* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan yang sedang diadakan di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara terbabit. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya terlihat soalan ini sebenarnya telah dijawab pada 21 Julai yang lalu secara bertulis kepada Yang Berhormat Sepanggar dan saya telah meneliti jawapan tersebut hampir sebijilah seperti tadi yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya rasa soalan tambahan saya ialah apakah statistik terkini? Oleh sebab tadi yang disebutkan tentang penurunan permintaan domestik dan antarabangsa itu ialah sehingga bulan Mei 2020 iaitu sudah turun kepada sebanyak 7,500 sehari. Apakah jumlah yang terkini mungkin sehingga bulan Julai kah yang mungkin kita boleh dapat gambaran?

■1200

Keduanya ialah apakah status cadangan yang pernah disebutkan oleh Menteri MITI satu ketika dahulu berkenaan dengan penggabungan di antara MAS dan juga AirAsia? Ini menjadi satu perkara penting juga kerana ada banyak isu-isu yang timbul sekiranya berlaku gabungan tersebut. Walaupun mungkin dianggap sebagai baik dari segi penjimatkan sumber tetapi ia membawa isu-isu lain seperti pekerja, masalah dari segi monopoli dan sebagainya. Jadi, saya mohon juga jawapan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Secara umumnya, sekarang ini kita melihat iaitu tentang jumlah penumpang. Kita boleh melihat apabila *demand* tinggi, maka harga penerbangan tiket turun. Pada masa bulan Mei, 18 Mac sehingga lah Mei itu, memang harga itu kita pun tahu sampai RM800, RM900 - AirAsia. Kalau MAS, tidak hairan. Akan tetapi sekarang ini, tambang kapal terbang begitu rendah sekali. Apatah lagi sekarang ini kalau orang menempah seminggu atau sepuluh hari lebih awal, ada di antara sektor itu tambang ia lebih murah daripada 2019. Dari sana lah kita mendapat mengambil kira bahawa *loading* itu bertambah. Memang bertambah, kalau tidak, harga tidak akan turun. Walaupun ditempah awal.

Jadi, di sini untuk *very frank*, untuk jumlah yang sekarang ini, terus terang saya tidak ada, *I will give you this one* dalam *detail*. Akan tetapi saya yakin ia adalah rendah sekarang ini. Boleh sebagai contoh, untuk hari ini sahaja. Ini *just to share*. Sekarang ini, 27 Ogos, AirAsia Kuala Lumpur – Kuching pada 1.50 petang karang, as *low as* RM209. Petang nanti RM289. *Is as slow as that, which is before* sampai RM800, RM900. Keduanya ialah ada lagi belum lama ini iaitu memang kita sarankan kepada rakyat kita, *insya-Allah* yang akan bercuti domestik, melancong secara dalam negara kita dan juga *students* yang akan pergi ke universiti bulan Oktober ini iaitu di mana tambang kapal terbang 29 hari bulan ini sebagai contoh, daripada Miri ke Kuala Lumpur, *student* hendak pergi, ada yang sampai RM150 sahaja. Saya tanya, 'Bila awak tempah?'. 'Saya tempah dalam bulan Julai, Yang Berhormat.' So, ini lah antara saranan kita untuk *traveling*, kenalah pelan elok-elok, kecuali dalam kecemasan. *Last minute* itu kadang-kadang *you cannot avoid it*, dengan izin. Akan tetapi yang pastinya di sini, dengan adanya *loading* sekarang ini sebab itulah harga tiket kapal terbang jauh lebih turun daripada yang sebelum ini. Saya berjanji, *insya-Allah detail as of* kalau boleh *as of today*. Tempahan yang ada kita akan serahkan dengan cara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Soalan terakhir.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Soalan kedua tadi.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Oh ya. Terima kasih. Minta maaf. Status penggabungan ini, sekarang ini perundingannya belum ada yang diteruskan lagi. Masih dalam perancangan sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Yang Berhormat, jam telah menunjukkan 12.03. Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya rujuk Peraturan Mesyuarat 36(12), dengan izin? Saya bacakan dahulu. “*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.*”

Latar belakangnya, pada 24 hari bulan yang lepas, di Dewan yang mulia ini, Menteri Kewangan ada menyebut tentang nilai dan bilangan projek runding terus. Yang Berhormat Gombak ketika bangun membuat celahan, secara *affirmative* menyatakan bahawa hal itu tidak pernah dibincang dan diputuskan oleh Jemaah Menteri. Kita tinggalkan beberapa hari sambil meminta Menteri Kewangan mengemukakan senarai. Semalam permintaan kita telah dipenuhi. Kami telah mengambil masa meneliti senarai itu dan saya mendapati bahawa dalam senarai itu ia berupa perkara yang sah telah dibawa dan diputuskan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Saya sangat pasti, saya sangat yakin. Bukan sahaja yakin, ‘*hakkulyakin*’. Apabila Yang Berhormat Gombak mengatakan tidak pernah dibawa dan diputuskan oleh Kabinet, dengan ini kenyataan itu jelas bersifat mengelirukan Dewan. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12), untuk membuat satu *ruling* tentang perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Peraturan mesyuarat. Saya juga ingin bangkitkan satu perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Adakah yang sama?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bukan perkara yang sama. Dalam 36(10)(c), di mana saya membaca, “*Adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948.*” Jadi, saya sebenarnya merujuk kepada satu kenyataan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Pasir Putih semalam, apabila beliau membahaskan dalam rang undang-undang untuk menaikkan hukuman pemandu mabuk. Di mana beliau telah mengatakan, saya melihat video. Beliau mengatakan, ‘Kita harus mengkaji fakta sebelum kitab Injil ini dipesongkan atau diubah.’ Malah, beliau juga menyatakan, ‘Kalau dalam agama Kristian, kitab Injil pernah diubah dan dipesongkan’

Bagi saya, kita boleh bahaskan apa-apa dalam perbahasan tetapi jangan pula kita menghina agama orang lain. Bagi penganut Kristian, kitab Injil itu adalah satu kitab yang sangat suci dan kenyataan tersebut boleh menimbulkan ketegangan kaum dan pelbagai agama dalam negara kita.

Jadi, saya meminta satu petua daripada Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Pasir Puteh untuk menarik balik kenyataan tersebut dan juga meminta maaf kepada semua penganut Kristian, bukan sahaja di Malaysia tetapi semua. Juga penganut-penganut agama yang lain. Minta petua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, 36(12).

Saya ingin menyokong Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kerana saya sebagai salah seorang mantan anggota Kabinet bersama Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Antara tender terbuka yang kita telah setuju oleh Kabinet ialah ABP untuk KPM, dipersetujui oleh Kabinet. Ini amat bertentangan dengan kenyataan Yang Berhormat Gombak yang begitu mengelirukan dan menipu sebenarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan *Standing Order 14 - Aturan Urusan Mesyuarat*. Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari Rabu iaitu 26 Ogos 2020, ada nombor 6 - Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)(No.2) 2019. Hari ini ia telah ditarik balik oleh Menteri. Kita tidak pertikaikan kuasa Menteri untuk tarik balik sebarang rang undang-undang. Akan tetapi saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua memberi satu petua supaya Menteri jelaskan kenapa menarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)(No.2) 2019? Oleh kerana itu adalah satu pindaan Perlembagaan untuk me *limit* kan had tempoh Perdana Menteri sepanjang maksimum dua *term*.

Ini adalah satu institusi *reform, reformed institution* yang sangat penting, di mana kita tidak mahu pemuatan kuasa kepada seseorang terlalu lama. Jadi, kita mahu bahawa negara ini menuju kepada demokrasi. Demokrasi yang tulen, di mana tidak ada *concentration of power towards one man* terlalu lama. Jadi, itulah sebab kita mahu *limit* kan tempoh Perdana Menteri kepada dua *term* atau 10 tahun.

Jadi, sekarang adakah kerajaan sekarang sudah lupakan pembaharuan institusi? Kita minta supaya Menteri jawab, adakah kerajaan sekarang sudah mahu kembali kepada *the dark ages* yang lama, yang berkuasa? Sekarang adakah mereka berhasrat untuk membuat pindaan yang baharu atau mereka hendak meletakkan

pindaan yang baharu atau mereka sudah lupakan sebarang *reform* yang dijanjikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Boleh. Sila.

■1210

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peraturan 18(1). Seperti mana yang saya telah pun maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada 25 Ogos tahun ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Sapi, itu memang ada dalam— saya akan sebut kemudian. Bagi saya uruskan dulu yang...

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Okey. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Cadangan-cadangan ataupun peraturan mesyuarat yang disebutkan tadi. Baik.

Pertama daripada Yang Berhormat Bandar Kuching yang telah menyebutkan mengenai dengan Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Pasir Puteh tidak ada di dalam Dewan. Petua saya ialah buat surat bertulis dan hantar kepada Pejabat Yang di-Pertua untuk kita buat kajian. Mungkin kita akan rujuk kepada *Hansard*. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

Kemudian, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Saya juga mohon untuk tulis kepada Pejabat Yang di-Pertua secepat mungkin sebab ia juga disokong oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi supaya kita buat keputusan yang sewajarnya. Kalau boleh secepat mungkin.

Kemudian daripada Yang Berhormat Bayan Baru. Saya juga buat *ruling* yang sama untuk tulis kepada Pejabat Yang di-Pertua mengenai dengan usul nombor 6 yang disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Sapi...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk menyelesaikan usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, saya hendak jelaskan bahawa di dalam Peraturan Mesyuarat 62, adalah jelas ahli-ahli— saya mohon izin untuk baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: “Ahli yang menjaga sesuatu rang undang-undang boleh berdiri di tempatnya dan minta menarik balik rang undang-undang itu, atau hendak menangguhkan peringkat satu lagi rang undang-undang itu sama ada

sebelum dimulakan urusan mesyuarat atau apabila sampai pada perkara rang undang-undang itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat”.

Tidak ada dinyatakan bahawa apabila kerajaan ingin menarik balik sesuatu rang undang-undang perlu diberikan sebab kenapa ia perlu ditarik. Walaupun demikian, saya hendak jelaskan bahawa keputusan untuk memasukkan cadangan pindaan kepada Perlembagaan tersebut telah diputuskan dan dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan sehingga bacaan kali pertama, sebagaimana yang kita tahu, oleh Perdana Menteri yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dan 22 bulan. Kemudian, membawa pindaan untuk menangguhkan ataupun mengehadkan tempoh Perdana Menteri hanya untuk dua penggal sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jadi, pokoknya, kerajaan tidak perlu memberi apa-apa sebab kenapa ia ditarik. Ini polisi kerajaan sekarang. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi, Yang Berhormat Menteri, jadi Kerajaan Perikatan Nasional tidak berminat untuk buat sebarang reformasi lagi lah ya, kepada...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dalam perkara itu, setakat ini tidak. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak? Tidak berminat untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelum Yang Berhormat Batu Sapi bangun, saya jemput Yang Berhormat Kota Bharu untuk usul 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.13 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam Usul-usul Menteri Kewangan di

nombor 1, 2, 3 dan 4 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 serta Usul Pelantikan Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di nombor 5 dan 6 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

KEMASUKAN PETA SABAH PADA MUKA HADAPAN PASPORT FILIPINA

12.14 tgh.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana telah pun dimaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada 25 Ogos tahun ini dan juga telah pun diluluskan oleh Pejabat Yang di-Pertua kelmarin, Batu Sapi ingin memohon kebenaran mengusulkan bagi Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bagi merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) iaitu isu kemasukan peta Sabah pada muka hadapan pasport Filipina yang telah pun diumumkan oleh *the House of Representatives (Philippine's House Committee on Foreign Affairs)* pada minggu lepas.

Diminta kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk saya membacakan teks usul ini seperti mana diluluskan pada 26 Ogos ini selaras dengan kehendak Peraturan Mesyuarat 18(2) bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) dan Peraturan Mesyuarat 18(2) agar Dewan ini membahaskan segera langkah terbaru Kerajaan Filipina melalui Jawatankuasa Dewan Luar Negara Filipina dalam meluluskan Rang Undang-undang Dewan 6399 pada minggu lepas yang memasukkan wilayah Sabah dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) sejauh 200 batu nautika sebagai sebahagian daripada peta pada muka hadapan pasport negara *Philippine* dengan tujuan menekan dan menegaskan tuntutan Filipina ke atas Sabah yang sebahagian daripada Persekutuan Malaysia.

Dewan ini turut mendesak agar Wisma Putra membuat pendirian rasmi yang lebih tegas melalui saluran diplomatik demi menjaga maruah dan juga kedaulatan Persekutuan Malaysia. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) oleh Yang Berhormat Batu Sapi pada hari Selasa, 25 Ogos 2020. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat Batu Sapi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara itu dan mendapati bahawa, ya perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6), usul ini akan dibahaskan pada petang ini hari Khamis, 27 Ogos di Kamar Khas. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk bahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. *[Tepuk] Ya, Kamar Khas.*

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983

12.18 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) daripada Akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada Akaun Kumpulan

Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

■1220

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta wang terimaan Akaun Pinjaman Disatukan daripada baki semasa MGII iaitu RM12,500 juta bagi tempoh sehingga 31 Disember 2019 dan RM13,300 juta bagi tempoh Januari hingga Jun 2020. Pada masa ini berada dalam Akaun Pinjaman Disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah suatu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam Akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berdasarkan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Antara tujuan utama terbitan berdasarkan syariah adalah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan sebanyak RM25,800 juta iaitu RM12,500 juta bagi tempoh sehingga 31 Disember 2019 dan RM13,300 juta bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ada sesiapa yang menyokong usul ini?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini saya buka untuk dibahas.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Baling, lima minit, silakan.

12.22 tgh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkaitan dengan sekuriti kerajaan, berkaitan dengan *Malaysian Guarantee*, MGII ini tadi. Saya ada sedikit kemasukan yang saya, rakyat di bawah sana terkeliru yang sejak beberapa bulan yang lalu berkaitan dengan sukuk UJSB kononnya ada jamin dan sebagainya. Di sini saya ingin membaca satu surat daripada Yang Berhormat Bagan bekas Menteri Kewangan pada tanggal 27 Mei 2019, Kementerian – *Minister of Finance (Incorporated)*.

Surat-surat sokongan kewangan yang diberikan bagi Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB). Ia ada banyak isu berkaitan dengan surat sokongan ini. Cuma saya hendak baca yang nombor enam sebab lima minit yang nombor enam ini. Surat ini menyatakan bahawa; “*Sila ambil maklum bahawa surat ini terhad kepada tujuan dan sokongan kewangan yang dinyatakan di perenggan dua dan tiga di atas dan tiada apa-apa juga yang terkandung dalam surat ini boleh ditakrifkan secara nyata atau tersirat sebagai satu bentuk jaminan bagi obligasi kewangan UJSB.*”

Ia juga telah disahkan dalam Laporan Kewangan Tabung Haji yang telah dibentangkan melalui video ini.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat jelaskan, sama ada sukuk yang di keluarkan oleh UJSB dijamin oleh kerajaan atau tidak. Sebab kita tak mahu ada kekeliruan. Kita tengok media-media massa pun sudah *spin* semalam malah TV3 menyatakan ini dijamin. Jadi soalan saya adakah dijamin atau tidak, itu satu.

Di kesempatan yang ada berkaitan dengan usul ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyatakan satu perkara. Walaupun saya telah menerima dengan hati yang terbuka pohon maaf, saya pohon melaporkan di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan rakan saya Yang Berhormat Jelutong yang telah memanggil saya berulang kali ‘pencuri, pencuri, pencuri’ dalam bahasa Tamil. [*Menyebut dalam bahasa Tamil*] Dalam bahasa Melayu pencuri berkaitan Tabung Haji dan sebagainya.

Saya hendak menyatakan bukan dalam persidangan yang terdahulu, Yang di-Pertua Tan Sri Ariff pun telah menyatakan tak boleh lagi panggil perompak, pencuri, penyamun apatah lagi kes sedang di jalan. Dalam hal ini, Peraturan Mesyuarat 36(2), 36(6), 36(4), 36(5) semua boleh terpakai. Jadi saya ingin menegaskan di sini saya harap memandangkan hari ini hari terakhir kita buang yang keruh kita tak payah—

Saya berlapang dada kemungkinan saya pun ada panas, saya pun pernah menyatakan sesuatu, jadi saya minta kita tutup buku. Kalau boleh persidangan yang

akan datang, kita tak perlulah cakap. Sekiranya, ada lagi perkataan-perkataan seumpama itu dilontarkan kepada saya, saya akan membuat usul bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mendapatkan petua, seterusnya mengambil satu keputusan dan tindakan yang serius terhadap ini.

Walaupun kadang-kadang melawak, pencuri-pencuri jadi kalau sudah hari-hari diulang pencuri, jadi tak susah untuk— tak mustahil untuk kami mula hendak panggil belah sana. Jadi saya rasa tak perlulah, kita ikutlah peruntukan mesyuarat yang sedia ada. Jadi, apa pun terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bagi masa yang banyak untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Ada tidak jaminan kerajaan telah diberikan kepada sukuk bagi UJSB, pemindahan segala harta Tabung Haji kepada syarikat tersebut. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Selepas ini kita boleh makan tose lah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan lima minit. Silakan. Saya ingatkan semua pada 38(1) perbahasan usul hendaklah berkaitan dengan usul. Terima kasih.

12.27 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, tapi tadi Yang Berhormat pun sudah benarkan. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam usul Menteri Kewangan di mana telah pun disebut tentang jumlah sebanyak RM25.8 bilion yang telah pun dicadangkan untuk dipindah. Ini adalah satu usul apa yang kita sebut sebagai yang dibuat secara berkala. Ini rutin semasa saya jadi Menteri Kewangan, kita pun buat usul sedemikian menerusi Yang Berhormat Kubang Pasu yang begitu gigih dan bertungkus-lumus untuk buat usul-usul sedemikian. Supaya kita dapat pastikan bahawa sumber dan dana kewangan dapatlah berjalan dengan lancar.

Ia tentulah berkaitan dengan MGII iaitu terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia. Di sini kita ada lihat ada dua *trench*. Satu ialah kepada bulan pada tahun 2019, satu ialah untuk pertengahan tahun ini. Ini memang sesuatu seperti yang saya sebut adalah lumrah dan biasa. Akan tetapi memandangkan beberapa perkara telah dibangkitkan sebelum ini.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa apabila satu surat, satu jaminan diberikan kita tidak harus lupa bahawa *letter of support* ini telah pun ditakrifkan oleh mahkamah sebagai satu jaminan. Itu sebab sekarang *letter of support* untuk mana-mana syarikat tidak dibenarkan. Saya rasa Yang Berhormat boleh berikan kepastian sedemikian kecuali dapat keputusan dan juga persetujuan daripada Kabinet.

So, di sini saya ingin tegaskan di sini, *letter of support* di bawah pentadbiran Pakatan Harapan untuk mana-mana syarikat tidak dibenarkan kecuali dapat

persetujuan dari Kabinet. Saya hendak tahu, adakah kaedah sedemikian masih diteruskan. Ini kerana tadi dipertikaikan tentang keberkesanan *letter of support*. Ini berkesan Tuan Yang di-Pertua dan apabila UJSB ini untuk menyelamatkan Tabung Haji.

Bila itu surat sokongan sedemikian diberikan dan kita lihat di peringkat perundangan mahkamah telah diputuskan ia memang adalah tidak lain, tidak bukan satu jaminan. So, itulah sebabnya saya hendak sebut di sini bahawa dalam aspek untuk memastikan bahawa Tabung Haji dapat diselamatkan, maka semua kaedah, semua prosedur telah dijalankan.

Di sini saya ingin sebut di sini bahawa sekiranya kaedah ataupun prosedur tatacara kewangan berubah ditukar untuk membenarkan Menteri Kewangan memberikan surat sokongan.

■1230

Di sini tentu sebagai Menteri Kewangan beliau boleh berikan surat sokongan. Akan tetapi adakah ini diamalkan? Itu saya harap Menteri dapat..

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bagan boleh bagi sikit Yang Berhormat Bagan. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Nanti, saya habis ini dulu saya tidak cukup masa.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sikit-sikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekejap, sekejap. Saya rasa di sini adalah penting bahawa perkara ini dijelaskan. Hal ini kerana apabila surat sokongan ini diberikan untuk memastikan bahawa Tabung Haji dapat diselamatkan. Ini saya tidak ada sentuh tentang Tabung Haji. Apa yang saya hendak tegaskan di sini kerana ini di bawah pengurusan Yang Berhormat Menteri Agama pada masa itu. Apa yang saya buat ialah laksanakan keputusan dan arahan yang dibuat oleh Kabinet.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya hanya laksanakan keputusan yang dibuat oleh Kabinet untuk selamatkan Tabung Haji itu saya buat, itu saya buat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat ulang lagi selamatkan Tabung Haji, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Lain-lain perkara berkaitan dengan Tabung Haji, lebih baik tanya Yang Berhormat Menteri Agama.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi Yang Berhormat, surat Yang Berhormat ini tiada apa-apa juga yang terkandung dalam surat ini [*Tidak jelas*]. Jaminan dan pertolongan daripada obligasi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, kenapa tidak matikan *mic*, nampak sangat [*Tidak jelas*]. Jadi tolonglah dia ini selalu mengganggulah. Tolong matikan *mic* ini, tidak dapat kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Hendak ikut prosedur tetapi sibuk dalam ucapan saya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [*Tidak jelas*] *This case very* tidak fungsi Yang Berhormat. Surat ini mengelirukan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Tambi* diamlah *tambi*. Hei *tambi* diamlah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Biar saya habis.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bukan... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang, tarik balik Yang Berhormat Sepang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Come on-lah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Time* orang bercakap dia bercakap...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang, tahap provokasi...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya saya bagi jalan kepada Yang Berhormat Sepang.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sekarang ini— saya minta maaf. Saya rasa saya hendak selesaikan perkataan ‘*tambi*’ itu. Kita sudah setuju tidak boleh guna perkataan *unparliamentarian*. Saya sudah dengar banyak kali macam-macam.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, *tambi nothing wrong*. *Tambi* sudah...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, tetapi niat dia ialah hendak menunjukkan satu niat. Saya rasa *it's very unparliamentary*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No, it's not wrong. *Tambi* in Tamil means brother, younger brother, seriously.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi Yang Berhormat, saya panggil Yang Berhormat *anne* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi Yang Berhormat *anne* Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya panggil Tuan Yang di-Pertua sebagai akak, kakak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Seorang panggil *anne*, panggil akak, panggil *tambi*. Selepas itu panggil bangsa-bangsa lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: We are Malaysians...
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya teruskan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap. Yang Berhormat Sepang, saya faham. Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Jelutong boleh tidak kita ini sudah hari terakhir, *insya-Allah*. Boleh tidak kita cuba sebaik-baiknya sebab saya rasa selepas saya dimaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua mahu kalau boleh Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatalaku Polis 2020 dimulakan pada pukul 2.30 petang.

Jadi usul kita ini kalau boleh selepas Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Menteri jawab, kemudian kita akan pergi kepada usul nombor dua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bagan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bagi saya habis dulu. Saya begitu tertarik dengan kefasihan bahasa Tamil daripada Yang Berhormat Baling dan juga Yang Berhormat Jelutong. Kalau boleh saya pun hendak belajar tetapi saya tidak boleh berbahas dalam bahasa Tamil.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi adalah penting bahawa kita pastikan semua prosedur tatacara ataupun kaedah yang ditetapkan masih dipatuhi itu penting.

Di situ saya pun hendak ambil kesempatan bila kita sebut tentang pemilihan wang ini, ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa projek-projek pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Di sini memandangkan bahawa Menteri Kewangan sebelum ini menyatakan ada projek-projek rundingan terus.

Bolehkah beliau juga mendedahkan projek rundingan terus Barisan Nasional dan juga Perikatan Nasional?

Hal yang kami minat selain daripada Barisan Nasional, apakah projek rundingan terus yang diluluskan oleh beliau sendiri kerana hanya Menteri Kewangan ada kuasa sedemikian? Ini saya rasa beliau harus bertanggungjawab dan sekiranya hendak mendukung prinsip akauntabiliti dan ketelusan, adalah perlu beliau dedahkan secara terbuka. Jangan sorok-sorok, jangan sembunyi, jangan lari daripada perlunya untuk beritahu semua rakyat apakah projek rundingan terus yang diluluskan oleh Perikatan Nasional, selain daripada Barisan Nasional. Barulah adil.

[Tepuk]

Tidaklah patut kalau hanya sebut tentang Pakatan Harapan dan kebanyakan pula...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah tamat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Semua ini palsu punya, semua ini celup punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan daripada PH tetapi daripada yang dulu dia pula mempersalahkan letak...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Di sini adalah...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah..

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Perkara ini dan berkaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Lima minit Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya sudah bagi laluan lima minit.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tentang ini tatacara ataupun tatacara kewangan. Saya harap bahawa perkara ini bolehlah dijelaskan dan kalau boleh

apakah itu faedah kerana kita tahu bahawa faedah pun sudah turun dari segi kedudukan sekarang khususnya pinjaman.

Kita tahu dari segi pinjaman dan sebelum ini Yang Berhormat Menteri Kewangan ada sebut tentang jumlah pinjaman yang diperoleh sepanjang tahun ini. Apakah perancangan untuk mendapatkan pinjaman yang lebih untuk tahun atau hujung tahun ini iaitu separuh tahun yang bakinya? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang amat minat membincangkan tentang perkara yang telah dibahaskan. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibahaskan agak lari sedikit daripada perkara yang kita bahaskan atau yang saya bentangkan. Namun atas rasa tanggungjawab, saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk saya jelaskan beberapa perkara.

Perkara yang pertama, saya juga meneliti surat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Baling. Ini Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan kekeliruan. Antara surat jaminan kerajaan dan juga surat sokongan kewangan yang disebut atau yang dibaca oleh Yang Berhormat Baling tadi sudah pasti bukan surat jaminan kerajaan. Ia hanya surat sokongan kewangan.

Akan tetapi apakah perbezaannya? Adakah kerajaan tetap memberikan jaminan kerajaan? Itu persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan tetapi yang paling pentingnya adalah perkara asas surat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Bagan ketika menjadi Menteri Kewangan bukan surat jaminan kerajaan. Ia adalah surat *financial support letter*, dengan izin. Akan tetapi sudah pasti Yang Berhormat Bagan, kerajaan akan memastikan segala komitmen terhadap apa yang telah dikeluarkan kerana UJSB merupakan syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Sudah pasti kita memahami tentang Akta Tatacara Kewangan yang sentiasa kita pegang iaitu akta 1957, Akta 61, seksyen 14(1).

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya pencelahan penting sikit, terima kasih. Setakat yang saya faham surat dari mana-mana Menteri Kabinet itu tidak *constitute sovereign guarantee* ataupun jaminan kerajaan.

Surat rasmi oleh Menteri Kewangan, proses yang sama ada diluluskan oleh Kabinet atau tidak itu terserah kepada keputusan Kabinet pada ketika itu. Akan tetapi mengikut faham saya Tuan Yang di-Pertua, kalau surat itu secara rasmi ditulis oleh

Menteri Kewangan itu bermakna bukan sahaja *official guarantee letter, it is* jaminan kerajaan. *Sovereign guarantee.*

Itu yang setakat saya faham, saya minta Yang Berhormat semak dengan pegawai-pegawai dan perundangan kerana saya fikir ini tidak boleh dipertikai selama lapan tahun itu pendirian saya semasa Menteri Kewangan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh saya minta celahan yang sama Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya juga tentang perkara yang sama. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri pada kes PKFZ. Di mana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada masa itu memberikan satu surat sokongan, juga masa itu bawah MCA lah. Berikan surat sokongan kepada syarikat PKFZ dan diputuskan oleh mahkamah sebagai satu jaminan, dalam bentuk jaminan.

Dalam aspek ini sekiranya datang daripada Menteri Kewangan, ia merupakan satu sokongan yang lebih kuat dan lebih kukuh lagi. Saya harap bolehlah dinilai secara teliti oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, celahan yang sama ringkas sahaja. Isunya ialah sukuk yang dikeluarkan oleh UJSB itu telah menerima satu surat sokongan daripada Menteri Kewangan menyokong UJSB bagi memastikan bahawa UJSB ini *be able to redeem the sukuk.* Itu yang penting.

Dua isu. Pertama, dari sudut pandang institusi kewangan. Mereka akan menilai bahawa adanya surat itu, ia memberi *weightage* yang kuat. *That's number one.*

■1240

Number two, saya semak di dalam Seksyen 5 – Risiko Fiskal dan Liabiliti Kerajaan, muka surat 60. Dia telah pun menyenaraikan komitmen jaminan. Jadual 5.3 – Komitmen Jaminan Kerajaan di bawah Risiko Fiskal dan Liabiliti muka surat 60, Urus Harta Jemaah Sdn. Bhd. – RM20 bilion. Ini tertera dalam dokumen rasmi kerajaan. Jadi saya kira, sahabat saya Timbalan Menteri Kewangan, dua isu di sini, surat, *weightage* terhadap surat, sudut pandang institusi kewangan dan dokumen rasmi kerajaan. Jadi kebimbangan Yang Berhormat Baling di sini terjawab iaitu ianya ada kesan kerajaan telah pun merekodkan dalam dokumen rasmi RM20 bilion. Selain daripada kerajaan juga jamin untuk selesaikan SRC International – RM3.5 bilion, panjanglah senarai ini, saya tidak mahu lari tajuk. Jadi saya fikir perkara itu sudah jelas yang tersurat dan tersirat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang

Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih rakan-rakan yang bijaksana, semua hebat-hebat belah sana.

Saya tidak mempertikaikan surat ini. Saya cuma tanya adakah ianya merupakan satu *government guarantee* surat ini sebab yang mengelirukan, surat Yang Berhormat Bagan bagi itu saya tidak nyatakan dia niat tidak baik. Dia kata berulang kali tadi hendak selamatkan Tabung Haji, hendak selamatkan Tabung Haji, okey. Kalau untuk kami orang Islam, *Alhamdulillah*, syukur *Alhamdulillah*. Akan tetapi saya mempertikaikan, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut saya dah boleh faham tidak terjawab sebab *paragraph* enam yang terakhir itu tadi amat-amat mengelirukan.

“Sila ambil maklum bahawa surat ini terhad kepada tujuan dan sokongan kewangan yang dinyatakan dalam perenggan dua dan tiga dalam surat ini di atas adalah tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam surat ini boleh ditakrifkan secara nyata, tersurat atau tersirat sebagai satu bentuk jaminan bagi obligasi kewangan UJSB”. Itu persoalan saya. Jadi kalaulah... [Tidak jelas] ini adalah *government guarantee* tidak sepatutnya *paragraph* enam ini Yang Berhormat Bagan nyatakan dengan sejelas-jelasnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan Yang Berhormat Baling sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dua perkara asas yang kita kena jelas di sini, asas yang pertama adakah surat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling itu adalah surat jaminan kerajaan atau surat apa? Itu sebabnya semasa saya menjawab di awal tadi, saya telah memberi penjelasan. Surat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling bukan surat jaminan kerajaan, *very clear*. Ia adalah hanya surat sokongan kewangan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Akan tetapi yang kedua Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, apa Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebutkan tadi dan Yang Berhormat Bagan sebutkan tadi, adakah kita memastikan pelaksanaan surat sokongan itu atas punca kuasa apa? Atas punca kuasa Akta 61, Seksyen 14(1), ia jelas. Maknanya apa, maknanya kita tetap akan memastikan apa sahaja komitmen kerajaan, mana-mana kerajaan sekalipun kita tetap akan memberi komitmen tetapi walau bagaimanapun ia tertakluk kepada kerajaan semasa. Mengapa? Seperti mana Yang Berhormat Baling sebutkan tadi dan Yang Berhormat Bagan sebutkan tadi, ini keputusan Kabinet.

Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, bagaimana tatacara atau prosesnya? Surat jaminan kerajaan digazetkan di bawah Akta 96, Akta Pendanaan Jaminan Kerajaan, Seksyen 3. Jadi surat sokongan kerajaan tidak digazetkan tetapi ia di dalam akta. Polemik ini saya harap difahami. Pertama, ia bukan surat jaminan kerajaan tetapi kerajaan tetap akan memberi komitmen kerana Kerajaan Perikatan Nasional adalah kerajaan yang prihatin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Timbalan Menteri duduk. Saya tidak berpeluang sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua. Kalau dapat saya bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri atas satu perkara yang sangat penting atas usul ini. Dalam erti kata penerbitan kewangan di *capital market* ini, yang mustahak untuk kita bertanya kepada Menteri atau Timbalan Menteri adalah atas *cost of funding*. Dalam hal ini, *both Malaysian Government Securities (MGS)* dan MGII ini tidak ada disebut langsung. Jadi apakah *cost of funding*?

Juga atas apakah penarafan terkini, *sovereign rating* yang sekali gus akan menentukan pinjaman ataupun terbitan kewangan yang dibuat daripada *capital market* ini. Dua perkara ya, penarafan dan juga *subsequently the cost of funding* kerana dalam konteks hari ini sangat penting. Kita juga berjaga dengan soalan fiskal deposit. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, celahan ringkas saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tanya pada Timbalan Menteri, boleh?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: 30 saat sahaja ya, soalan lanjutan daripada sahabat saya daripada Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau tidak boleh tidak apa, terpulang kepada Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tidak apa Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Kuala Selangor, saya akan bagi jawapan secara bertulis apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya lebih jelas. Saya faham Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu memahami data yang sama saya baca dan *insya-Allah* saya akan beri jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *last*. Jawab secara bertulis juga. Saya hendak bagi untuk rekod, Jabatan Audit Negara pun telah memberi laporan mengatakan bahawa tiada sokongan ataupun tiada *government guarantee*, tiada beri jaminan kerajaan. Ini boleh hantar secara bertulis, memang dah ada dalam laporan audit yang terbaru.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Baling, cukuplah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita doakan tujuh hingga 10 tahun lagi kerajaan ini terus, Kerajaan Perikatan Nasional untuk terus bayar hutang-hutang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon juga jawapan bertulis ringkas daripada sahabat saya, Timbalan Menteri. Soalan saya mudah sahaja. *Redemption of the sukuk* ini, adakah ianya *the upon recovery of the assets* ataupun *would be based on the commitment of government to inject fund?* Dua isu berbeda, saya hendak minta ya. Surat ke jaminan atau sebagainya tetapi ia mesti ada dua kemungkinan itu sahaja. *Redemption of the sukuk*, apakah berasaskan kepada keupayaan *to recover kembali* aset ataupun *would be based on the commitment of the government to inject fund*. Kalau tidak boleh jawab sekarang, saya boleh terima kalau hendak beri jawapan bertulis.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kepuasan hati kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan jawapan secara bertulis. Cumanya apa sahaja yang kita lakukan Yang Berhormat Bagan, kita akan pastikan segala apa yang kita buat adalah untuk rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tidak payah bagi saya jawapan bertulis tentang *ana, akka* dan tambi ya. Saya rasa kita semua faham tetapi jangan Yang Berhormat panggil saya *amma* cukup.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA EKSAIS 1976

12.48 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) dan subseksyen 91u(1)(a), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.55 dan ST.56 bagi tahun 2020 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua perintah di bawah duti eksais perlu dibentangkan untuk kali ini. Pertama, perintah yang diwartakan susulan daripada pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Perintah kedua adalah berkaitan duti eksais yang dikenakan ke atas minuman bergula.

Pertama, Perintah Eksais (Pangkor) 2019, P.U.(A) 412/2019 bertarikh 31 Disember 2019, Kertas Statut Bil. ST.55/2020. Perintah ini diwartakan susulan daripada pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Semua barang adalah bebas cukai apabila dimasukkan ke dalam pulau bebas cukai Pangkor melainkan kenderaan bermotor yang merupakan barang yang bercukai. Pewartaan Perintah Duti Eksais (Pangkor) 2019 ini adalah untuk mengenakan duti eksais ke atas kenderaan bermotor berdasarkan kadar duti semasa yang berkuat kuasa di bawah Akta Eksais 1976. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

■1250

Kedua Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No.3) 2019 P.U. (A316/2019) bertarikh 15 November 2019 Kertas Statut Bilangan ST.56/2020. Mulai 1 Julai 2019, produk minuman bergula telah dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen seliter selaras dengan usaha kerajaan supaya rakyat mengurangkan pengambilan minuman bergula tinggi yang boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius seperti obesiti, diabetes dan penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) yang dikaitkan dengan pemakanan.

Minuman bergula yang dikenakan duti eksais adalah dalam bentuk sedia diminum seperti minuman berkarbonat dan jus buah-buahan yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain melebihi nilai ambang kandungan gula yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, produk *concentrated fruit* dengan izin dan *vegetable juice* adalah dikecualikan daripada duti eksais kerana ia adalah bentuk yang belum diminum, yang belum sedia diminum dan kadar *dilution* minuman tidak dikawal yang mana kandungan gula yang diambil oleh pengguna juga adalah bergantung kepada bancuhan minuman.

Oleh itu, Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No.3) 2019 ini telah diwartakan dengan tujuan untuk mengecualikan syarat mengemukakan laporan makmal mengenai jumlah gula dalam produk *concentrated fruit* dan *vegetable juice* bagi produk minuman lain. Pengilang atau pengimport perlu mengemukakan laporan makmal kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang mengesahkan jumlah kandungan gula adalah di bawah nilai ambang yang ditetapkan untuk membuktikan

produk tersebut tidak tertakluk kepada duti eksais. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Menyokong, Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang usul ini dibuka untuk dibahas.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Lumut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Lima minit.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Pangkor ini tentang Lumut ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Lumut, silakan.

12.52 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Ya, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pangkor telah menjadi Pulau Bebas Cukai pada 1 Januari tahun ini. Kalau tidak kerana wabak COVID-19 ini, mungkin Pulau Pangkor sekarang ini sangat sibuk dengan pelancong-pelancong. Walau macam mana pun, kita bergembira kerana ia menjadi satu tempat kunjungan yang makin dikenali sama seperti Pulau Tioman ataupun Pulau Langkawi.

Berbezanya adalah barang-barang yang dikatakan bebas cukai itu tidak sama bagi tempat-tempat yang sedemikian. Ini kerana dalam pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kenderaan-kenderaan tidak dikecualikan cukai dan mesti dibayar cukai seperti lain-lain tempat di negara kita ini. Apa yang menjadi tarikan bagi penduduk di Pulau Langkawi misalnya, adalah mereka dapat menikmati pembelian kenderaan pada harga yang dikurangkan cukai ataupun tidak bercukai. Ini merupakan satu tarikan untuk mengekalkan penduduk Pulau Langkawi dan memberi peluang kepada mereka menikmati kehidupan yang lebih baik.

Akan tetapi bagi Pulau Pangkor, nampaknya kenderaan-kenderaan, pengangkutan dan sebagainya tidak dimasukkan sebagai barang yang bebas cukai. Apakah sebab ini berlaku? Adakah ia kerana Pulau Pangkor ini terlalu dekat dengan tanah besar, ada kemungkinan masalah kawalan pergerakan kenderaan keluar masuk ke pulau ataupun kerana Pulau Pangkor ini tidak sebesar Pulau Langkawi yang mana kalau berlaku bebas cukai bagi kenderaan-kenderaan ini, akan berlaku

lambakan kenderaan di Pulau Pangkor dan mungkin menyebabkan kesesakan bagi pulau yang kecil itu.

Namun, kita meminta supaya diberikan pengecualian kepada pengimportan kenderaan-kenderaan yang berkaitan dengan pengangkutan kepada pelancong-pelancong seperti teksi ataupun kereta-kereta sewa kerana ini adalah perkara yang penting bagi pelancong-pelancong yang datang ke pulau ini. Kalau kita ke Pulau Pangkor hari ini, kita akan melihat keadaan kenderaan pengangkutan pelancong ini sangat daif, tidak menggambarkan sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai bertaraf antarabangsa. Jadi, apakah tidak boleh diberikan pengecualian yang khusus kepada pemerolehan kenderaan-kenderaan untuk tujuan-tujuan pelancongan dan aktiviti-aktiviti rekreasi di Pulau Pangkor ini? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Satu lagi ada? Kalau tidak ada, silakan Yang Berhormat Menteri, lima minit. Terima kasih.

12.55 tgh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Lumut. Sudah pasti Pulau Pangkor ini di bawah Parlimen Lumut. Cumanya Yang Berhormat Lumut, betul apa Yang Berhormat Lumut sebutkan tadi, barang bebas cukai di Pulau Pangkor, semua barang adalah bebas cukai kecuali kenderaan bermotor. Ini kerana untuk makluman Yang Berhormat, bukan sahaja Pulau Pangkor kerana Pulau Pangkor ini adalah pulau yang terbaharu mendapat Pulau Bebas Cukai (PBC).

Akan tetapi apa yang saya ingin sebutkan adalah bukan sahaja Pulau Pangkor tidak mendapat manfaat kenderaan diberi cukai, tetapi termasuk juga Pulau Tioman kerana di Pulau Tioman juga semua barang dapat cukai kecuali barang petroleum dan kenderaan bermotor. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ada perkara yang perlu dilihat kembali oleh pihak Kementerian Kewangan.

Saya berjanji akan meneliti perkara ini kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lumut, saya telah pergi ke Pulau Pangkor apabila saya menjadi Timbalan Menteri Kewangan. Bukan sahaja perkara kenderaan ini akan menarik, tetapi banyak lagi perkara-perkara yang harus ditambah baik terutamanya '*lending legal place*' – LLP yang akan memastikan kepastian supaya tidak berlaku ketirisan barang-barangan di Pulau Pangkor.

Apa sahaja yang kita buat Yang Berhormat Lumut, pasti kita akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat Lumut. *Insya-Allah* saya akan pertimbangkan dan saya akan beri maklumat dari semasa ke semasa kepada Yang Berhormat kerana kerajaan hari ini, kerajaan juga bersetuju dengan pelaksanaan PBC di Pulau Pangkor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit sahaja? Sungai Petani. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sementara Pulau Pangkor telah pun diisyiharkan, sudah tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mempunyai maklumat bagaimana aktiviti-aktiviti penyeludupan seperti yang pernah dilaporkan di Pulau Langkawi berlaku di mana *manifest* dan apa juga dokumen-dokumen hanya berlaku di tengah laut, tetapi barang-barang tidak sampai darat, tetapi telah pun dikeluarkan ke negara-negara lain. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan bahawa pengalaman-pengalaman seperti di Pulau Langkawi ini tidak terjadi di Pulau Pangkor contohnya, kerana Pulau Pangkor itu lebih dekat di daratan berbanding dengan di Pulau Langkawi. Apakah persediaan yang telah dibuat ke arah itu? Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Perkara-perkara yang telah disebutkan, kes-kes yang berlaku di Pulau Tioman juga menjadi panduan dan pengajaran kepada kami di Kementerian Kewangan melalui agensi Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Itu sebabnya ada permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Perak supaya kami Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurunkan daripada 48 jam kepada 24 jam iaitu tempoh untuk mendapatkan pengecualian cukai. Akan tetapi, JKDM dan Kementerian Kewangan tidak bersetuju untuk mengurangkan tempoh kepada 24 jam. Kami masih menggunakan sekurang-kurangnya 48 jam supaya mereka berada di sana supaya perkara-perkara yang disebutkan Yang Berhormat itu tidak akan berlaku di Pulau Pangkor. Perkara-perkara ini juga sedang ditambah baik oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di No.2 hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA KASTAM 1967

12.59 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) dan subseksyen 163R(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas status bilangan ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.80, ST.81, ST.82 dan ST.83 bagi tahun 2020 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2020 kerajaan telah terlibat dengan pelbagai komitmen di bawah perjanjian antarabangsa antaranya Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN dan Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN, Hong Kong dan China. Selaras dengan komitmen tersebut, antara perintah yang telah diwartakan adalah berkaitan perlindungan lapisan zon dan peraturan spesifik produk. Beberapa perintah lain adalah seperti berkaitan anti lambakan dan susulan daripada pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) 2020 [P.U.(A)66/2020] bertarikh 26 Februari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.48/2020;

Perintah Duti Kastam (Barang di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN–Hong Kong-China (No.2) (Pindaan) 2020 [P.U.(A)67/2020] bertarikh 26 Februari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.49 2020;

Perintah Duti Kastam (Barang di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN–Australia-New Zealand) (Pindaan) 2020 [P.U.(A)68/2020] bertarikh 26 Februari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.50/2020;

Perintah Duti Kastam (Barang di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN dan China) (Pindaan) 2020 [P.U.(A)69/2020] bertarikh 26 Februari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.51/2020;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2020 [P.U.(A)65/2020] bertarikh 26 Februari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.53/2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan kelima-lima perintah di atas secara bersama memandangkan ia adalah berkaitan. Kesemua perintah ini diwartakan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2019 yang telah bersetuju dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim kini dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya Kerajaan Malaysia meratifikasi Pindaan Kigali kepada Protokol Montreal di bawah Konvensyen Vienna berhubung dengan perlindungan lapisan ozon. Pewartaan perintah di atas melibatkan penstrukturkan kod takrif kepada produk *hydrofluorocarbon* (HFC) dengan mewujudkan *national line* di bawah kod takrif 2903.39.90 dan 384.78.00. HFC merupakan gas alternatif kepada gas HCFC yang banyak digunakan dalam sektor pembekuan dan penyaman udara, pencegah kebakaran serta bahan pelarut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meratifikasi Pindaan Kigali, produk HFC akan dikawal penggunaannya seperti mana produk HCFC yang telah pun dikawal selia pada masa ini melalui pengenaan kuota import oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kelima-lima perintah ini di atas telah berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) (No.2) 2020 [P.U.(A)110/2020] bertarikh 1 April 2020, Kertas Statut Bilangan ST.52/2020. Perintah ini telah diwartakan selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ASEAN Trade in Goods Agreement) (ATIGA) yang telah ditandatangani bagi Februari 2009 dan berkuat kuasa mulai 17 Mei 2010. Ia bertujuan untuk meminda beberapa perkara di bawah ATIGA. Antaranya peraturan spesifik produk (*product specific rules*), senarai barang perjanjian teknologi maklumat (*information technology agreement list*) dan kod ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 2017. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 2 April 2020.

Perintah Duti Kastam (Pangkor) 2019 [P.U.(A)413/2019] bertarikh 31 Disember 2019, Kertas Statut Bilangan ST.54/2020. Perintah ini diwartakan susulan daripada pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Semua barang adalah bebas cukai apabila dibawa masuk ke dalam Pulau Bebas Cukai melainkan kenderaan bermotor yang merupakan barang yang bercukai. Pewartaan Perintah Duti Kastam (Pangkor) 2019 ini adalah untuk mengenakan duti import ke atas kenderaan bermotor berdasarkan kadar duti semasa yang berkuat kuasa di bawah Akta Kastam 1967. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No.2) 2019 [P.U.(A)324/2019] bertarikh 25 November 2019, Kertas Statut Bilangan ST...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Panjang. Kalau panjang, tidak mengapalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan lebih daripada pukul 1.00 petang, saya menangguhkan Mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.06 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Assalamualaikum semua. Saya tengah bilang kuorum sebenarnya. Bentara, boleh jalan ya?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tak bangkit tak apa. Sudah cukup dah kot. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meneruskan ucapan beliau. Silakan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyambung teks ucapan usul berkaitan Akta Kastam. Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No. 2) 2019 [P.U.(A) 324/2019] bertarikh 25 November 2019, Kertas Statut Bilangan ST.80/2020. Perintah ini diwartakan susulan daripada hasil siasatan penentuan awal yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) menunjukkan bahawa lambakan import *cellulose fibre reinforced cement flat* dan *pattern sheet* yang berasal atau diimport dari Republik Indonesia yang telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan.

Siasatan dimulakan pada 26 Julai 2019 berdasarkan petisyen yang telah dikemukakan oleh pempetisyen daripada kalangan industri tempatan kepada MITI. Perintah ini diwartakan pada 25 November 2019 bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan sementara ke atas import keluaran seperti dinyatakan yang berasal atau diimport oleh Republik Indonesia pada kadar 35.43 peratus hingga 108.10 peratus. Duti anti-lambakan sementara tidak dikenakan ke atas import keluaran seperti yang dinyatakan yang diimport bagi maksud penggunaan akhir *external roofing*. Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan (*dumping margin*) atau pada kadar yang lebih rendah bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan material (*material injury*) kepada industri tempatan.

Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 23 November 2019 hingga 20 Mac 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2020 [P.U.(A) 94/2020] bertarikh 20 Mac 2020, Kertas Statut Bilangan ST.81/2020. Perintah ini diwartakan susulan daripada penentuan muktamad siasatan yang

dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang menunjukkan bahawa lambakan import *cellulose fiber reinforced cement flat* dan *pattern sheet* atau yang diimport dari Republik Indonesia yang telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan. Penentuan muktamad siasatan dibuat berdasarkan petisyen yang telah dikemukakan oleh pempetisyen daripada kalangan pihak industri tempatan kepada MITI. Perintah ini telah diwartakan pada 20 Mac 2020 bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan ke atas import keluaran seperti yang dinyatakan yang berasal atau diimport dari Republik Indonesia pada kadar 9.14 peratus hingga 10.1 peratus.

Duti lambakan sementara tidak dikenakan ke atas import keluaran seperti dinyatakan yang diimport bagi maksud penggunaan *external roofing*. Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan (*dumping margin*) dan pada kadar yang lebih rendah bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan material (*material injury*) kepada industri tempatan. Pengenaan duti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 21 Mac 2020 hingga 20 Mac 2025.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2019 P.U.(A) 362/2019 bertarikh 24 September 2019, Kertas Statut Bilangan ST.82/2020. Perintah ini diwartakan susulan daripada hasil siasatan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menunjukkan bahawa berlaku lambakan import keluaran besi atau keluli bukan aloi, gegelung gulungan sejuk dengan kelebaran melebihi 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan Republik Sosialis Vietnam yang telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan.

Siasatan dibuat berdasarkan petisyen yang telah dikemukakan oleh pempetisyen daripada kalangan pihak industri tempatan kepada MITI. Produk batang penulangan konkrit keluli yang terlibat adalah merangkumi dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif dan *fin wall* untuk *transformer*. Perintah ini telah diwartakan pada 24 Disember 2019 bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan ke atas import keluaran seperti dinyatakan yang berasal atau diimport dari Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan Republik Sosialis Vietnam pada kadar 3.84 peratus hingga 26.39 peratus.

Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan (*dumping margin*) atau pada kadar yang lebih rendah bagi mengelak berlakunya kemudaratan material (*material injury*) kepada industri tempatan. Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan

Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 25 Disember 2019 hingga 24 Disember 2024.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2020 P.U.(A) 22/2020 bertarikh 21 Januari 2020, Kertas Statut Bilangan ST.83/2020.

■1440

Perintah ini diwartakan susulan daripada penentuan muktamad siasatan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang menunjukkan bahawa berlaku lambakan keluaran batang penulangan konkrit keluli yang berasal atau dieksport dari Republik Singapura dan Republik Turki yang telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan. Penentuan muktamad siasatan dibuat berdasarkan petisyen yang dikemukakan oleh pempetisyen dari kalangan pihak industri tempatan kepada MITI.

Produk batang penulangan konkrit keluli yang terlibat adalah merangkumi keluli gulungan panas yang mengandungi lekuk, tetulang, alur atau canggaan lain. Perintah ini telah diwartakan pada 21 Januari 2020 bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan ke atas import keluaran seperti yang dinyatakan yang berasal atau diimport dari Republik Singapura dan Republik Turki pada kadar 3.62 peratus hingga 20.09 peratus. Kadar duti ini ditetapkan berdasarkan penilaian margin lambakan (*dumping margin*) atau pada kadar yang lebih rendah bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan material (*material injury*) kepada industri tempatan.

Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 22 Januari hingga 21 Januari 2025.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

2.42 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan satu lagi rang undang-undang telah pun ditarik balik, kita mempunyai banyak masa. Jadi, saya mengambil kesempatan ini.

Saya lihat kepada semua pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga statut-statut yang telah diletakkan di atas meja saya yang berkenaan. Saya merujuk kepada Kertas Statut 58/2020 berkenaan dengan Akta Cukai Jualan melibatkan, dengan izin, penjualan rokok. Saya mengambil kesempatan ini untuk juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini, memandangkan Yang Berhormat Kota Bharu juga hadir. Tadi Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga hadir. Saya cuma ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada keselamatan pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai kastam yang menjalankan tugas untuk memastikan bahawa penyeludupan tidak berlaku.

So, saya di sini mengambil kesempatan untuk menyeru di samping kita melihat undang-undang pembentangan— semua undang-undang ini juga kepada aspek keselamatan untuk melindungi pegawai-pegawai keselamatan. Di sini saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kepada satu kejadian pada 7 Oktober 2016 melibatkan seorang kakitangan kastam, anggota kanan kastam, arwah Anisah yang telah dirempuh oleh tonto semasa menjalankan Ops Chimera di Banggol Chica, Pasir Mas, Kelantan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan itu selepas ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Bukan usul untuk cukai jualan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya lah. Itu biar— memandangkan perkara ini ialah berkenaan kerana ia melibatkan anggota yang menjalankan tugas untuk memastikan penyeludupan tidak berlaku. So, saya di sini mengambil kesempatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong juruskan kepada usul yang berkenaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Saya akan kembali kepada itu, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Yang Berhormat Kota Bharu yang ada dan Menteri Dalam Negeri untuk memastikan bahawa orang-orang yang bertanggungjawab ke atas kematian ini dibawa ke muka pengadilan. Itu sahaja permintaan saya sebagai wakil rakyat. Saya berdiri di sini untuk menyuarakan perkara ini bagi keselamatan anggota-anggota polis, anggota-anggota kastam yang dewasa ini mengadu tentang ancaman kepada nyawa mereka disebabkan oleh tonto-tonto. Ini bukan bahan ketawa ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands. *You are an ex-police officer. So, don't make fun of it. All right?*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, saya di sini menggunakan kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam untuk memastikan...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: *I am not making fun of it.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Please sit down. Don't waste my time,* Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya beri peluang. Jadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak berkuasa— kita membahaskan tentang isu arwah Adib. Ini adalah kemalangan yang menimpa arwah Anisah berlaku semasa zaman pemerintahan Yang Berhormat Pekan, Barisan Nasional. Kenapakah sehingga sekarang kematian beliau, arwah Anisah ini tidak dibela?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu patutnya ditanya semasa MQT.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Anyway, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas kesempatan yang diberikan tetapi memandangkan kita bercakap tentang Akta Kastam, cukai dan sebagainya, saya minta supaya perkara ini diberi perhatian kalau boleh dalam persidangan yang akan datang. Cuma permintaan saya adalah rakamkan, Yang Berhormat Kota Baharu, satu inkues diadakan dan kalau boleh kertas penyiasatan dibuka semula dan pihak-pihak yang terlibat menyebabkan kematian beliau dituduh di bawah Akta Kanun Keseksaan seksyen 302. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa yang ingin berbahas usul yang berkenaan? Kalau tidak ada, saya rasa tidak perlu— tidak ada perbahasan sebenarnya mengenai usul ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di nombor 3 hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA CUKAI JUALAN 2018

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, ini barulah yang betul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong, Akta Cukai Jualan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bilangan ST. 57 bagi tahun 2020 disahkan.”

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 370/2019] bertarikh 26 Disember 2019 Kertas Statut Bilangan ST. 57. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda peruntukan sedia ada bagi melaksanakan dasar semasa kerajaan. Pindaan ini yang dilakukan adalah melibatkan Jadual Pertama Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 yang mengandungi senarai yang dikenakan cukai jualan lima peratus. Pindaan yang terlibat adalah merupakan pindaan bersifat dasar seperti berikut:-

- (i) produk puting bayi (*baby pacifier*) di bawah kod tarif 3926.90.3900 yang sebelum ini ditetapkan cukai jualan pada kadar 10 peratus diturunkan kepada kadar yang lebih rendah iaitu lima peratus;
- (ii) produk kaca keselamatan di bawah kod tarif 7007.29.9000 iaitu untuk kegunaan industri yang sebelum ini ditetapkan cukai jualan pada kadar 10 peratus diturunkan kepada kadar yang lebih rendah iaitu lima peratus; dan
- (iii) kerusi keselamatan kanak-kanak di bawah tarif 9401.80.0000 yang sebelum ini ditetapkan cukai jualan pada kadar 10 peratus diturunkan kepada kadar yang lebih rendah iaitu lima peratus.

Penetapan ini ialah sebagai pakej kepada insentif kerajaan untuk mewajibkan pemakaian kerusi keselamatan kanak-kanak bermula 1 Januari 2020. Perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk di bahas. Silakan.

2.50 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya amat menyokong usaha-usaha kerajaan untuk menurunkan cukai-cukai jualan ke atas barang-barang yang telah disebutkan tadi khususnya untuk bayi dan juga peralatan, *safety chair* yang akan digunakan dalam kereta.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan untuk bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memperkenalkan satu kaedah di mana penjualan rokok dan arak ditetapkan di satu-satu tempat. Contohnya, kita tengok di New Zealand dan juga Australia, dia tidak semua kedai boleh jual rokok dan arak tetapi dia ada *designated area* contohnya *liquor store*. Jadi, bila kita tahu sesebuah kawasan itu ada satu atau dua tempat sahaja yang jual arak dan rokok dengan sendirinya kawalan dapat dibuat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi.

Oleh sebab itu, saya rasakan harus ada usaha untuk di peringkat ini kawasan-kawasan khususnya kawasan perumahan tidaklah 7-Eleven jual, kemudian kedai-kedai runcit jual arak dan rokok tetapi diberikan spesifik *area* supaya kawalan dapat dibuat. Di samping itu juga, masyarakat tidak *complain*, maknanya orang yang akan terlibat dalam menghisap rokok dan juga arak ini pergi ke tempat mereka, ia tidak mengganggu masyarakat. Saya minta itu dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kimanis.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Kimanis, silakan.

2.51 ptg.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan juga ingin berbahas sedikit tentang usul ini bahawa perlu ada satu tindakan bersepada, *integrate effort* yang sepatutnya diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Ini kerana di Sabah ini dekat dengan Pulau Labuan, di mana Pulau Labuan ini adalah pulau bebas cukai. Jadi banyak produk-produk yang dijual pada harga yang murah tetapi diseludup begitu sahaja ke negeri Sabah.

Sebagai contoh rokok dan juga minuman-minuman keras tetapi di seludup ke Sabah dan dijual pada harga yang normal sedangkan barang-barang tersebut dibawa daripada Pulau Labuan. Jadi, perlu ada *integrated effort* yang di buat oleh kerajaan untuk menangani isu penyeludupan yang berlaku secara berleluasa di negeri Sabah. Paling sedihnya lagi Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya rokok-rokok

seludup ini dijual pada harga yang mahal tetapi penjual-penjualnya ialah di kalangan orang-orang pendatang tanpa izin.

Di Kota Kinabalu, bandar-bandar utama di Sabah, merekalah yang secara sewenang-wenangnya, sebebas-bebasnya menjual rokok-rokok seludup ini. Saya minta *integrated effort* patut diperkenalkan oleh semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk membendung gejala ataupun aktiviti penyeludupan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Yang Berhormat Sungai Buloh.

2.53 ptg.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkaitan dengan *stamp duty* dan juga RPGT walaupun terkeluar sedikit daripada usul saya minta izin sebab perkara ini penting.

Pada bulan Jun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah buat pengumuman untuk mengecualikan beberapa transaksi berkaitan dengan harta tanah daripada dikenakan *stamp duty* dan juga RPGT. Jadi, soalan saya ialah dan saya rela untuk menerima jawapan bertulis sebab tidak *directly connected* dengan usul ini. Adakah pengecualian itu telah diwartakan? Kalau sudah diwartakan, bila diwartakan? Maklumat ini adalah penting sebab maklumat ini perlu sampai kepada golongan peguam-pegawai yang menguruskan transaksi harta tanah sebab mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk simpan sebahagian wang yang dibayar beberapa tempoh sehingga transaksi itu di tamatkan.

Akan tetapi sekarang sebab mereka tidak tahu, tidak boleh dapat maklumat sama ada ini sudah diwartakan atau tidak, ada keraguanlah tentang berapa lama dia kena simpan. Jadi, saya memohon dan kalau boleh dapat jawapan bertulis. Soalannya ialah pengecualian yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila pakej PENJANA di umumkan itu, adakah pengecualian itu telah diwartakan dan bila? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. Jikalau tidak ada lagi pembahas saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab kalau ada jawapan yang berkenaan.

2.55 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan sebentar tadi.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani supaya ada suatu kawasan yang *designated area* untuk penjualan arak. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, itu di bawah KPKT. Namun demikian, untuk makluman Yang Berhormat Sungai petani, pada masa ini, pada bermulanya pertengahan bulan Julai sehingga hujung bulan September, pihak Kementerian Kewangan sedang mengadakan Konsultasi Belanjawan 2021. Sudah pasti pandangan Yang Berhormat tadi kita akan masukkan dalam perbincangan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kimanis, *intergraded effort*. *Integrated effort* sudah pastinya menjadi satu dasar Kerajaan Perikatan Nasional di bawah Kementerian Kewangan. Multi agensi *task force* telah diwujudkan oleh pentadbiran-pentadbiran sebelum ini dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mempengerusikan awal bulan Ogos tempoh hari. Dalam multi agensi *task force* ini bukan sahaja Kementerian Kewangan, bukan sahaja agensi seperti Kastam Diraja Malaysia tetapi ia juga melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan KPDNHEP. Sudah pasti perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kimanis ini diambil kira dan kita yakin penguatkuasaan ini harus dibuat secara menyeluruh supaya kita dapat mengurangkan ketirisan terutamanya rokok haram dan arak haram.

Bagi soalan yang dibangkit, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Buloh berkaitan duti setem dan RPGT. Saya akan bagi jawapan bertulis berkaitan dengan tarikh-tarikh yang begitu spesifik tetapi untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita umumkan pada 5 Jun 2020 di bawah pakej PENJANA kita melihat trend pembelian rumah ini meningkat. Ini sebenarnya memberi kelegaan tetapi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu isu yang ada perkara yang patut kita uar-uarkan dan perkara ini kita akan perbaiki. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di nombor 4 hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

USUL**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M 62**

2.58 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon (D.R 12/2020) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 seperti yang tertera di nombor lima dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan yang ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang."

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih.

USUL PERDANA MENTERI**PEELANTIKAN PENGERUSI DAN NAIB PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

2.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menurut peruntukan Peraturan 77(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon mengemukakan usul seperti berikut:

"Bahawa Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Ipoh Timur dipilih bagi menggantikan Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong, sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Ahli Parlimen Beaufort dipilih bagi menggantikan Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Ipoh Timur, sebagai Naib Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Keempat Belas."

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa tidak lantik Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tidak ada bahas? Yang Berhormat Jelutong? Oh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong sokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya hendak bahas sikit ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

3.00 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali, kita— ini cadangan daripada pihak kerajaan, kita akan bersetujulah. Kita tengok hari ini pembangkang 100 peratus sokong. *Alhamdulillah*, bagus. Kalau boleh semua *bill* buat macam ini, inilah satu petanda yang cukup baik, Yang Berhormat Port Dickson. Ini semua sokong.

Saya hendak tengok kalau siapa pembangkang berani menentang, sila bangun. Saya sanggup mengajak kalau COVID-19 ini selesai, ajak belanja pergi luar negara. Sila bangun menentang usul ini. Tidak ada. Jadi, kalau kena yang menguntungkan mereka, mereka akan menyokong. Kalau yang merugikan, mereka tidak akan sokong. Seperti...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dulu pun kita sokong juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Saya bawa cadangan dulu supaya gaji Ahli-ahli Parlimen daripada M44...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ini pembaharuan dari Pakatan Harapan buatlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Naik kepada JUSA A, semua sokong pada pukul 3.00 pagi. Jadi, demikianlah hebatnya. Kalau ada kemesraan begini, *Alhamdulillah* kita pun seronok. Kita akan bincang cara adik-beradik di Dewan.

Jadi, saya sebenarnya kalau ditanya saya kalau dibenarkan kami ini memilih, saya akan mencadangkan Yang Berhormat Jelutong untuk menjadi Pengurus PAC. Akan tetapi malangnya mereka tidak mencadangkan nama beliau. Kesian dia. Jadi, saya ingat kalau boleh Yang Berhormat Port Dickson timbangkan supaya Yang Berhormat Jelutong diberi yang ke depanlah, ke depan sebab mereka akan terus menjadi pembangkang sebab kami akan terus jadi kerajaan ya.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua telah berjanji dengan saya untuk— ini di bawah supaya kita ada akauntabilitilah. Tuan Yang di-Pertua janji hendak bagi tahu tempoh kepada saya 24 jam untuk membuat fatwa sama ada perkataan ‘petualang’ dan ‘pengkhianat’ itu boleh digunakan yang dituduh kepada Yang Berhormat Gombak oleh di antaranya Yang Berhormat Jelutong salah seorang. Jadi, Tuan Yang

di-Pertua bagi tahu akan tengok *Hansard*. *Hansard* sudah keluar dua hari sudah. Jadi, sampai hari ini hari penghabisan, saya ini jenis orang yang cukup baik, suka berkawan, tidak suka sangat bergaduh tetapi kalau dicabar saya akan *be on top of form to fight back* ya.

Jadi, saya hendak tanya apakah petua daripada Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan perkataan ‘petualang’ dan ‘pengkhianat’ sebab dalam rekod menunjukkan bahawa petualang dan pengkhianat itu bukan di kalangan kami. Akan tetapi petualang dan pengkhianat datang daripada pihak PH sendiri yang sepatutnya mereka cadanglah nama Yang Berhormat Langkawi. Tidak, dia pergi cadang nama Yang Berhormat Port Dickson. Ket Hendak cadang nama Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Port Dickson saja. Ini menyebabkan mereka kalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena mengena dengan usul. Apa ini? Kami pun hendak balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, yang mengkhianati Yang Berhormat Langkawi ialah PH. Akan tetapi kenapa PH tuduh kami yang mengkhianati? Kami ialah penyelamat. Jadi, isytiharkan seluruh negara kamilah penyelamat...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Arau, duduklah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kepada pengkhianat dan petualang sebenarnya di kalangan DAP.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tolonglah selamatkan kami, minta Yang Berhormat Arau duduklah. Tolong, tolong.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Yang Berhormat Arau yang terbaiklah. Yang Berhormat Arau yang terbaiklah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Keduanya, tadi Yang Berhormat Bagan mencabar supaya kita keluarkan senarai *direct nego* daripada Kerajaan BN dulu. Kerajaan BN dulu sekarang sudah masuk arkib. Kita sudah senaraikan senarai *direct nego* yang dibuat oleh Kerajaan BN, semua sudah terpampang. Akan tetapi masa PH, mereka memerintah, mereka tidak mahu isytiharkan *direct nego*. Sekarang Kementerian Kewangan telah senaraikan 101 *direct nego*. Yang Berhormat Jelutong nafikan nama Yang Berhormat Jelutong ada di sini ataupun tidak. Diisyiharkan sama ada...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *Direct nego* itu tentera dengan polis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini PAC, ini PAC.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Senaraikan PN sekalilah, senaraikan PN sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, *direct nego* itu kerajaan boleh buat demikian tetapi jangan buat retorik-retorik cakapan bahawa “*Kami tidak akan buat direct nego, buat tender terbuka.*” Itu saya tiru cakap Yang Berhormat Port Dickson sebab dia suka mengapi-apikan tajuk tersebut bahawa, “*Kita hari ini memerintah, besok turunkan harga minyak.*” Tidak turun juga. “*Hari ini memerintah, esok PTPTN akan ditarik balik.*” Tidak tarik juga. Jadi, kita minta supaya PAC melihat benda-benda ini, jangan menuduh bahawa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Amat Berhormat Pagoh, lantiklah Yang Berhormat Arau jadi Menteri lah, Yang Amat Berhormat Pagoh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kita tidak isytihar. Apa yang paling penting kita sudah isytihar dan hari ini 101...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau, *you* tidak baca buku manifesto, *you* tidak baca buku manifesto. Manifesto tidak pernah buat macam itu. Tidak pernah janji macam itu. Yang Berhormat Arau tarik balik. Yang Berhormat Arau tarik balik. Jangan mengelirukan Dewan, jangan tipu, jangan tipu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau tarik balik, Yang Berhormat Arau tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebanyak 101. Hari ini Kerajaan PH menunjukkan 101...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, sila tamatkan perbahasan, selama 25 saat lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, saya seorang yang berucap ini Tuan Yang di-Pertua. Saya bebaslah hendak berucap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak berucap lepas ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Kerajaan PH telah mengisyiharkan kami tidak akan buat tender tertutup, *direct nego* dan sebagainya tetapi hari ini telah dijelaskan... *[Tidak jelas]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Pagoh tolong...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Arau tidak baca, Yang Berhormat Arau tidak baca manifesto. Jangan mengelirukan Dewan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Rakyat melihat *[Tidak jelas]* 101...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jangan tipu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Itu fitnah, itu fitnah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jangan fitnah.

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak minta supaya jangan sebut lagi benda-benda ini. Saya bukan hendak bergaduh. Kenapa mereka menggaduh saya? Saya cakap elok-elok. Sebagai seorang yang teraman dan beriman, saya tidak suka cakap macam ini ya. Akan tetapi saya hendak ceritakan bahawa ini dia senarai di antaranya ialah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, okey. Boleh jadi Menteri, boleh jadi Menteri. Bagus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kementerian Pengangkutan, sebanyak RM4.4 bilion. Ya Allah Ya Tuhan ku. Kita pun tidak pernah dengar...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Benda ini berasal dari zaman Barisan Nasional.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Astaghfirullah al-'Azim Yang Berhormat Arau. Adakah benar Yang Berhormat Arau?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Zaman MCA jadi Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Arau, mabuk kah?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Arau, adakah benar ini?

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Arau *[Tidak jelas]*.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Benda itu berlaku...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, kita habiskan perbahasan untuk PAC.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, dengan ini saya membuat kesimpulan bahawa kerajaan sekarang ialah kerajaan penyelamat, bukan pengkhianat ataupun petualang. Tuan Yang di-Pertua bertanggungjawab untuk *[Tidak jelas]* bahawa petualang dan pengkhianat itu tidak boleh digunakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Walaupun daripada zaman BN, mereka boleh batalkan. *[Tidak jelas]* ...direct nego kenapa mereka tidak batalkan walaupun daripada zaman BN?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kerajaan tebuk atap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau hendak gunakan juga petualang dan pengkhianat bukan dekat kami tetapi dekat mereka.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kerajaan tebuk atap, Yang Berhormat Arau pun tebuk atap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tolonglah.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Kerajaan pintu belakang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh ya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Kerajaan *direct nego*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Tidak jelas]*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

3.07 ptg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya rujuk kembali kepada PAC, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya tidak mahu menyeleweng macam Yang Berhormat Arau. Kita telah mengemukakan nama Yang Berhormat Ipoh Timur, mengambil masa dan saya ucap terima kasih kepada Perdana Menteri kerana beri persetujuan atas usul yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan *[Tepuk]* dari awal nama Yang Berhormat Ipoh Timur supaya kita kekal tradisi pembangkang menjadi Pengerusi PAC. Saya percaya Yang Berhormat Ipoh Timur akan dapat menjalankan tanggungjawabnya secara profesional untuk memastikan kira-kira dan akaun kewangan negara itu lebih telus dan bertanggungjawab.

Saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau itu kurang relevan. Cuma saya hendak jelaskan soal Kementerian Pengangkutan telah dijelaskan adalah keputusan awal Barisan Nasional yang terpaksa diteruskan dengan harga yang lebih kurang. Itu kenyataannya. Masalah Yang Berhormat Arau ini dia tidak pernah baca kenyataan lain.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ini saya hendak nasihatkan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kita kena baca dua-dua pihak supaya kita dapat tahu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh, boleh mencelah? Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi, saya hanya hendak menyatakan rekod kita tentang keputusan Perdana Menteri mengenai PAC. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Port Dickson, kalaupun daripada Barisan Nasional...
[Tidak jelas]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Port Dickson, penjelasan. Sampai hati, sampai hati Yang Berhormat Port Dickson cakap macam itu pada saya. Saya tidak pernah kata apa pun pada Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: [Tidak jelas]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tengok Yang Berhormat Arau. Macam mana Yang Berhormat Port Dickson jawab. Orang macam itu lah bagus.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Akan tetapi PH tidak membatalkan meneruskan *direct nego* itu. PH boleh membatalkan, boleh buat tender terbuka tetapi tidak dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, kita pulang ke agenda asal. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab apa-apa persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap juga, bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai PAC?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi sudah...

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai PAC?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang ini, yang ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sepang tidak payah cakaplah, duduklah. Tidak payah cakaplah Yang Berhormat Sepang.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tidak payahlah Yang Berhormat Sepang, tidak payahlah, sudah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang ini, yang ini, bolehlah. Dua minit. Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit, PAC, PAC.

3.08 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya berucap untuk PAC ini. Pertamanya saya juga menyokong usul ini dan ini terbukti bahawa dekat Malaysia ini bukan salah DAP lah. Selama ini kita berzikir kononnya salah DAP semua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi, sekarang terbukti Parlimen ini boleh terima Ahli Parlimen DAP sebagai pihak yang jadi pengerusi kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Kini, kita suka atau tidak suka kerana DAP juga kita tahu ada Menteri yang langgar kuarantin. Jadi, saya harap...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tajuk ini tidak ada kena mengena.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya menjangkakan kemungkinan kerajaan hendak mencadangkan Ahli Parlimen PAS tetapi nampaknya lantik DAP. Jadi, saya rasa mungkin PAS tidak setuju pun, dia terpaksa bersetuju. Jadi, saya mengucapkan tahniahlah.

Walaupun kita tidak dapat bahas IPCMC, jadi dapat bahas PAC ini pun kira satu yang kita bersyukurlah. Saya hendak beritahu kepada— sebagai penutuplah, IPCMC ini walaupun tidak dibahaskan, tetapi itulah sebahagian daripada manifesto kita. Kita hairan sebuah kerajaan yang ada mandat rakyat hendak tubuh IPCMC, tiba-tiba dibatalkan oleh sebuah kerajaan yang tidak ada mandat rakyat dan tidak ada manifesto. Jadi inilah kerajaan yang tidak tahu malu, tidak ada manifesto tetapi hendak batalkan kerajaan yang ada manifesto. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

■1510

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya Tebrau. Tebrau. Satu minit, tidak sampai seminit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tebrau. Ya.

3.10 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Mengenai PAC, saya mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya prosiding PAC dapat dibuat secara terbuka, ada siaran langsung supaya rakyat tahu apa yang berlaku dalam prosiding PAC. Itu permintaan sebagai seorang bekas ahli PAC. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

3.10 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum ini PAC telah membuat satu kajian, mesyuarat dan penyelidikan dan segala-galanya tentang RM18.4 juta duit *refund* GST yang kononnya Yang Berhormat Bagan kata dirompak, tetapi tidak dirompak. Tidak ada hasil yang hilang walaupun satu sen pun. Ia telah diakui oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang.

Apakah perkara selanjutnya yang perlu dilakukan kepada Yang Berhormat Bagan hasil daripada laporan PAC itu? Tidak ada sebarang perkara dilakukan. Kita tidak mahu laporan demi laporan daripada PAC tetapi tidak ada sebarang tindakan. Sia-sia sahaja ada Jawatankuasa PAC yang membuat laporan tetapi tiada tindakan.

Jadi, cadangan saya ialah apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Bagan menuduh kami merompak wang *refund* GST itu hendaklah dibuat sesuatu di dalam Dewan Rakyat ini pada sesi yang akan datang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini benda ini benda yang cukup serius. Bukan sahaja kita bertanggungjawab kepada rakyat, kita bertanggungjawab kepada akaun negara di mana Yang Berhormat Bagan telah menuduh kita merompak RM18 bilion duit GST dan PAC menafikan benda itu berlaku tetapi Yang Berhormat Bagan tidak mahu menarik balik perkataan perompak.

Apakah kita hendak merujuk Yang Berhormat Bagan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk mempertimbangkan dirinya sebagai kerajaan dan juga Ahli Parlimen bahawa dia telah mengelirukan Dewan di bawah P.M. 36(12) dengan menuduh kita merompak? Perkataan rompak itu tidak ditarik balik sampai hari ini dan Yang di-Pertua pada masa tersebut pun tidak boleh berbuat apa-apa. Minta dia tarik pun dia tidak mahu tarik. Jadi, orang sebegini sepatutnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk diberi hukuman.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya kira majoriti daripada Ahli Dewan Rakyat bersetuju supaya Yang Berhormat Bagan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas tuduhan mengatakan bahawa kerajaan terdahulu merompak wang *refund* GST walaupun laporan PAC menyatakan sebaliknya, langsung tidak ada satu sen pun duit yang dirompak. Ini disebabkan kerana GST dihentikan. Apabila GST dihentikan, maka wang untuk membayar balik itu telah digunakan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Tidak ada wang yang hilang tetapi digunakan untuk pembangunan kerana pada ketika itu mereka fikir GST tidak akan dihentikan.

Kemudian, tadi Yang Berhormat Port Dickson ada menyebut tentang tender runding terus itu. Saya berpendapat apabila kita telah mempunyai satu kononnya falsafah hanya tender terbuka, mereka boleh hentikan segala proses itu. Kita ada pengalaman sedikit di Kementerian Kewangan dahulu, Yang Berhormat Port Dickson juga ada pengalaman, saya ada sedikit pengalaman sebagai Timbalan Menteri. Kita boleh hentikan dan kita boleh buat tender terbuka tetapi tidak dibuat tender terbuka oleh PH. Ini masalahnya.

Jadi, itulah yang ingin saya sampaikan. Saya menyokong segala lantikan yang dibuat itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya tidak mahu komen banyak tetapi tentang apa-apa usul yang hendak dibuat untuk merujuk kepada mana-mana jawatankuasa itu, itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana itu merupakan hak Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah peraturan-peraturan mesyuarat. Cuma, mengikut prosedurnya, maka...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Sudah tentu saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

3.14 ptg.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Memandangkan hari ini hari terakhir, tadi saya ada mengusulkan kepada Timbalan Yang di-Pertua tetapi tidak ada petua. Yang saya sebutkan ialah kita sebulan di sini tetapi ungkapan-ungkapan kata-kata “*Mencuri*”, “*Pencuri duit Tabung Haji*” dan sebagainya banyak kali diulang, banyak kali diminta maaf. Saya telah mengusulkan kita kena hentikan. Hari ini hari terakhir.

Kalau akan datang ada lagi cakap-cakap begitu— sebab walau apa pun, mahkamah tidak pernah menuduh saya apa-apa lagi. Malah saya tidak ada apa-apa kes pun berkaitan Tabung Haji.

Jadi, saya pohon petua daripada Tuan Yang di-Pertua. *Because*, dengan izin, *you are the man. You call a spade a spade*. Itu ramai di antara Ahli Parlimen bercakap. *You* tidak takut untuk bercakap benar.

Jadi, saya mohon Tuan Yang di-Pertua memberikan petua. Kalau ada berlakunya apa-apa lagi tidak kiralah sesiapa pun yang memanggil saya “*Pencuri Tabung Haji*” dan sebagainya, saya akan tulis surat usul dan saya pohon satu tindakan yang tegas Tuan Yang di-Pertua harus ambil, kalau dengan izin, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Pasir Salak.

3.15 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai peranan PAC ini, saya ingin mengambil kesempatan

ini untuk pertamanya mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah pun dipilih menganggotainya.

Namun begitu, saya ingin mengingatkan buatlah kerja ini dengan betul kerana kerajaan setiap tahun memperuntukkan berbilion-bilion duit rakyat, duit kerajaan untuk pembangunan negara dan juga kemajuan rakyat kepada kementerian, agensi dan sebagainya.

Kita tahu banyak duit yang hilang disebabkan ketirisan yang berlaku yang dilakukan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang tidak begitu bertanggungjawab bagaimana peruntukan ini dibelanjakan. Banyak aset-aset kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan umpamanya yang terlepas daripada penyata kira-kira wang dan laporan daripada kementerian.

Pegawai-pegawai kerajaan bertukar dari masa ke semasa. Banyak ketirisan dan juga pembaziran yang berlaku yang dilupakan dan ditinggalkan begitu sahaja apabila berlakunya pertukaran pegawai-pegawai di kementerian-kementerian dan juga di agensi-agensi kerajaan. Bagi pengurusan yang baru, ia mengambil masa kadang-kadang untuk mencungkil, mengorek apa-apa yang berlaku sebelum itu. Mengorek *what happen to the past. Sometimes the incident being hide by the management, by the administration of the department.*

Ini berlaku saya kira tetapi PAC walaupun setakat ini memainkan peranan yang bertanggungjawab untuk mengesahkan tetapi saya rasa pengesahan ini belum lagi mencapai tahap boleh menyelamatkan duit kerajaan yang begitu banyak kita belanjakan setiap tahun. Banyak aset kerajaan umpamanya yang tidak termasuk dalam penyata akaun kewangan jabatan atau kerajaan.

JKR, umpamanya, banyak aset, banyak jentera. Jentera tolak lah, Kubota lah, itu dan ini yang bernilai beratus-ratus ribu, berjuta-juta yang tersadai di bilik-bilik stor, tersadai di bawah-bawah pokok yang sudah dibiarkan begitu sahaja. Ini merugikan. Begitu juga aset-aset kerajaan dari segi bangunan-bangunan yang tidak di-maintenance, tidak dijaga dan dibiarkan begitu sahaja. Dewan-dewan orang ramai, dewan-dewan masyarakat, masjid-masjid, surau-surau. *These all assets belong to the government.* Aset milik kerajaan tetapi malangnya tidak diambil perhatian yang serius untuk menjaga aset-aset ini oleh pentadbiran-pentadbiran yang berkenaan.

Jadi dengan sebab itu, Malaysia ini *very lucky*, kita beruntung, bernasib baik kerana kita mempunyai wang yang cukup. Allah SWT memberikan peruntukan yang begitu banyak kepada kita, kepada kerajaan yang membolehkan kita untuk menggunakan peruntukan itu ataupun pendapatan itu untuk pembangunan rakyat, pembangunan negara tetapi oleh sebab ketirisan dan penyelewengan yang berlaku,

maka duit-duit itu habis begitu sahaja dan tidak dimanfaatkan untuk rakyat dan negara kita.

■1520

Jadi, inilah sedikit peringatan yang saya ingin sampaikan di dalam Dewan ini untuk perhatian Pengerusi PAC khususnya dan juga ahli jawatankuasanya supaya benar-benar bertanggungjawab membela rakyat dan pembayar cukai di atas perbelanjaan yang dibuat oleh jabatan-jabatan kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

3.20 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut menyentuh perkara dengan PAC ini. PAC ini adalah satu bentuk jawatankuasa yang dibentuk dan dipertanggungjawabkan untuk memeriksa wang kira-kira negara. Saya setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa PAC seharusnya perlu diperkasakan, perlu diberi autonomi untuk meletakkan satu-satu perkara itu apabila ada ditepati oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini ada tergelincir dalam kalangan kementerian-kementerian.

Maka, bukan hanya perlu ditegur bahkan perlu mungkin diberi perhitungan yang sewajarnya. Ini kerana, kalau tidak PAC ini macam membazir masa sahaja yang mana kakitangan kerajaan di situ semua, audit di situ, tetapi selama ini pun tidak ada satu pun yang kita lihat *improvement* yang boleh membanggakan kita.

Dahulu Pakatan Harapan memerintah, dia janji dalam manifesto dia, Pengerusi PAC sekiranya PH memerintah datang daripada pembangkang. Itu PH janji. Sekarang ini, rasa saya kita harus lihat sebab kita tidak mahu PAC ini digunakan sebagai satu alat politik pula. Kita tidak mahu PAC ini bukan mengutamakan keutamaan iaitu mencari, mengira wang negara tetapi hari-hari kita berpolitik.

Berpolitik biarlah kita di luar sana. Dalam Dewan ini kita harus fokus untuk memastikan bahawa ketirisan harus dibanteras dalam mana-mana agensi atau kementerian-kementerian. Ini keutamaan kita. Ini kerana, rakyat di luar sana ingin

melihat sejauh mana kerajaan yang ada pada hari ini berfungsi untuk memastikan bahawa rakyat dan negara dapat diselamatkan.

Kepada kementerian-kementerian, juga kita memberi teguran bahawa gunalah KSU kah, KP kah, Pengarah-pengarah kah, jangan bazir wang rakyat. Jangan guna beli barang harga RM100 dibeli dengan RM1000. Ini berlaku. Dalam BN dulu pun kita tegur, kita tidak mahu ada kementerian. Ini kerana, ini pembaziran dan rakyat pada hari ini mereka telah terbuka Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak boleh lagi kita diperkotak-katikkan. Mereka tidak boleh lagi kita tipu. Ini kerana, kalau kita tipu rakyat, kita tipu satu kali, dua kali tidak boleh lagi.

Oleh sebab itu, saya ingin menyarankan jangan tekan kepada Ketua Kerajaan untuk menentukan siapa ketua PAC sebab kerajaan yang ada pada hari ini tidak ada ikatan. Ia tidak ada manifesto. Ia tidak ada memberi harapan kepada mana-mana pihak. *[Dewan riuh]* Sesiapa pun dipilih pada saya ia menjadi kewajipan kerajaan untuk memastikan bahawa jawatankuasa ini benar-benar berfungsi.

Saya juga menyeru kepada kerajaan bukan hanya PAC, *Select Committee* yang lain-lain harus kita perkasakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa jadi Pengerusi? Siapa pun tidak apa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kinabatangan cadang Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...yang penting Pengerusi itu benar-benar telus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dia. Kalau bagi Yang Berhormat Jelutong pun tidak pasti perkara ini dapat diselesaikan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lagi teruk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak cakap teruk, itu Yang Berhormat Arau yang cakap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya siapa juga yang mengemudi PAC ini, saya yakin mereka harus menjalankan amanah dan tanggungjawab itu sebab amanah rakyat. Jangan khianati amanah rakyat. Kita ini dipilih oleh rakyat. Kalau kita khianati amanah rakyat sudah tentu pilihan raya yang akan datang kita akan ditolak oleh rakyat. Contoh tidak mengkhianati rakyat Yang Berhormat Arau dan Kinabatangan sebab itu kami kekal menang ribu-ribu undi, rakyat suka kita. Kita juga rakyat.

Yang Berhormat Arau ini sudah enam penggal, tujuh penggal, saya pun tidak tahu tapi dia masih bertahan. Dia lebih hebat dalam hujah-hujah dia. Boleh dikatakan semua kementerian dia bahas. Saya pun...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Patut dia dibagi Menteri lah. Bagi Menteri sama dia sekarang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh kasi kah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan setuju tidak kalau *PAC Chairman* – kalau perangai kongkalikung sama itu bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan, hari-hari menipu nanti jadi *PAC Chairman*, hitam memang hitam, putih nanti jadi hitam. Macam mana kita punya pandangan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menggunakan peraturanlah. Saya minta dia tarik balik kenyataan mantan Yang Berhormat Menteri Kewangan menipu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa tidak menipu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baru tadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...mula-mula kata dia tidak ada *direct award*. Memang sekarang buktikan ada *direct award*. Ini manifesto pun cakap tidak ada. Macam mana? Hey, ini bukan tipu. Jadi, apa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Bintulu baca manifesto kami dulu lah jangan cakap dekat sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Come on-lah, baru tadi Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Baling kata jangan guna...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Baca apa – mana manifesto kasi sama saya baca?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong. Saya rasa kita – saya akan sampaikan petua tentang perkara itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat Bintulu tidak ada apa hendak bahas duduk diam,diam.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita habiskan perbahasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya gulung Tuan Yang di-Pertua. *Relax, relax* kita mahu hari terakhir ini kita *relax*. Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bintulu *relax* sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan seminit, seminit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, bahawa – itu saya kata rakyat di luar sana tidak lagi boleh kita diperkotak-katikkan minda mereka. Mereka sudah faham siapa yang menipu, siapa

yang bercakap bohong. Mereka tahu. Jadi, tunggulah, *insya-Allah* PRU akan datang bila-bila kita adakan saya percaya yang penipu akan ditendang rakyat. Yang tidak menipu macam saya selalu disokong rakyat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Timbalan Menteri untuk menjawab...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Maaf. Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Ada jawapan.

3.27 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya usul ini tidak perlu dibahaskan lebih-lebih lagi perkara-perkara yang tidak bersangkutan paut sangat dengan usul ini.

Namun demikian, saya amat menghargai segala pandangan yang berupa satu nasihat dan juga satu harapan kepada mereka yang telah diusulkan, sama ada untuk menjadi Penggerusi mahu Naib Penggerusi PAC, sudah tentulah mereka akan mengambil segala pandangan dan nasihat ini sebagai panduan kepada tugas mereka.

Jadi, saya tidak ada apa yang hendak gulungkan di sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa petua yang sepatutnya bagi ya.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini, selepas ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dijadikan di Jabatan Perdana Menteri di nombor 6 tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Izinkan saya memberi sepatuh dua kata sama ada melalui petua ataupun nasihat. Sebenarnya saya telah baca banyak kali Peraturan Mesyuarat ini terdapat banyak Peraturan-peraturan Mesyuarat yang kita tidak ikuti sebenarnya.

Pertamanya, Peraturan Mesyuarat 23(1)(c), apabila bertanya soalan kita tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, apa-apa sangkaan, apa-apa fikiran,

tohmahan, puji atau keji atau mengandungi kalimah-kalimah mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara remeh. Itu selalu sangat saya dengar tetapi saya *leeway* sebab pun budak baharu. Kalau saya ketatkan sangat maka banyak yang *complaint* tetapi itu Peraturan Mesyuarat, peraturan untuk kita semua.

Kemudian kita lihat pula kepada Peraturan Mesyuarat yang sama di *paragraph* yang lain mengatakan, “*Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan sifat atau kelakuan sesiapa melainkan sifat dan kelakuannya dalam menjalankan urusan-urusan jawatannya sahaja*”.

■1530

Akan tetapi, banyak kali juga saya dengar perkara yang lain mengenai sifat-sifat yang bukan mengenai sifat di dalam jawatan dikeluarkan dan diperbahaskan bukan sekali, malah banyak kali. Bila ditegur, ditarik balik tetapi dibuat semula. So, itu macam *intentional*. Saya rasa itu pun kita perlu perhatikan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu *skill* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Skill*, ya. [*Dewan ketawa*] Akan tetapi kalau saya hukum, itu pun *skill* juga. [*Dewan ketawa*] Kemudian, sesuatu pertanyaan yang menuduh atau yang membayangkan tuduhan. So, *meaning* yang tersurat dan yang tersiratlah. So, kita menyindir itu kita *implied*. Menuduh ataupun yang membayangkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang itu. Tidak boleh sebenarnya. Semuanya ada dalam peraturan. Kalau boleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ambil sedikit masa untuk baca peraturan itu *would be very helpful* sebenarnya, dengan izin.

Kemudian, *of course* kita ada— menjadi satu kesalahan untuk menggunakan bahasa kurang sopan, biadab atau membuat kenyataan yang seksis. Kemudiannya, seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Kalau kita kata pencuri, pengkhianat, petualang dan sebagainya kecuali kalau perkara itu boleh dibuktikan secara fakta, saya rasa tidak kita boleh bercakap di Dewan ini. Ini kerana peraturan-peraturan mesyuarat juga, seseorang ahli itu adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa yang beliau katakan di Dewan ini adalah satu fakta.

Kemudian, di dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan sekali lagi, kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sahaja. So, sifat semasa menjalankan urusan dia sahaja. Dia pecah amanahkah semasa menjalankan urusan, itu boleh. Akan tetapi sebagai sifat peribadi, tidak boleh.

Ini yang penting. Ini yang selalu orang banyak kali saya lihat dilakukan. Pengerusi boleh tidak membenarkan mana-mana ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa Majlis Mesyuarat tidak mempunyai masa yang secukupnya. So, saya pun telah banyak kali pesan kalau masa tidak cukup, tidak perlulah menyoal dan meminta penjelasan. Tambahan lagi apabila perkara itu tidak ada kena mengena dengan isu yang sedang diperbahaskan. Tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyelesaikan urusannya atau— ini penting. Jika Pengerusi mempercayai bahawa niat ahli yang meminta penjelasan adalah semata-mata untuk mengacau ahli yang sedang bercakap...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ingat itu Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Itu...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Arau selalu kacau ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu Yang Berhormat Jelutong. Itu Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Selalu kacau.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya rasa...

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Baling...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Jelutong, dengar baik-baik Yang Berhormat Jelutong.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kita nampak kedua-dua pihak menuduh antara satu sama lain. Jadi, siapa yang bersalah atau *guilty* itu, siapa makan cili dialah yang rasa pedas. Jadi, saya ingin menasihatkan agar kalau boleh kita bukan sahaja membaca peraturan-peraturan mesyuarat, malah kita menghayatinya. Marilah kita mengadakan persidangan di dalam Dewan ini dengan harmoni, dengan kualiti debat dan kualiti perbahasan yang baik yang perdebatkan yang membahaskan isu-isu yang berkenaan mengenai sesuatu usul itu agar kita memanfaatkan masa kita di sini.

Ramai orang yang kata tidak dapat cukup masa untuk berbahas, tetapi saya rasa ada— masa untuk berbahas itu cukup tetapi kita tidak berbahaskan, tidak menggunakan masa itu dengan sewajarnya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pada perkiraan Tuan Yang di-Pertua, adakah selama kami berdebat ini ada kualiti ataupun kurang kualiti?

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya jawab secara bertulis tidak? *[Ketawa]* Saya tiru Yang Berhormat Menteri kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas 2020...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua. Kulai.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, saya hendak juga minta bantuan daripada Tuan Yang di-Pertua kerana semasa sesi jawab ataupun perbahasan, banyak isu yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan bertulis kepada kami. Sekarang hari terakhir. *Hansard* saya menunjukkan bahawa pada 3 Ogos, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan janji untuk memberi jawapan bertulis. Sampai hari ini tidak dapat. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan bahawa Ahli-ahli Parlimen bolehlah menjalankan tugas dengan lancar? Jadi, saya rasa ini pun kita perlu dapat jaminan dan juga bantuan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan di sebelah sana terutama Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri untuk memberilah jawapan bertulis kepada kami secepat mungkin. Hari ini, sudah hari terakhir.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sama juga Tuan Yang di-Pertua. Sama juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan belum lagi bagi jawapan bertulis dan juga yang lain-lainlah. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, Segambut hendak membangkitkan bahawa walaupun kita mendapat jawapan bertulis tetapi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah tajuk apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perbahasan di bawah tajuk apa sekarang? *[Disampuk]* Bertanyalah?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ini kira hal-hal lainlah Yang Berhormat Arau. Hal-hal lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat boleh bagi itu, bagi kebenaran seorang lima minit untuk bertanya kepada Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dialog, dialog.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tidak, nanti tidak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga selama 22 bulan PH memerintah, tidak ada jawapan dia bagi kepada saya. Saya hendak bagi tahu. Akan tetapi, sekarang ini ada juga jawapan yang dibagi.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Masalahnya Yang Berhormat Arau tidak baca.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Bagus. Ini kalau kita minta masa lima minit untuk...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Cuba baca Yang Berhormat Arau...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak akhirkan perkara ini. Tidak apa Yang Berhormat Segambut. Saya cuma— *of course* apabila dijanji itu dimasukkan ke dalam *Hansard* itu, maka itu adalah satu janji yang perlu dikotai kerana itu adalah merupakan satu representasi atas satu kenyataan kepada Dewan dan perlu dipenuhi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul. Janji mesti ditetapi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hidup PN!

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Segambut. Saya bukan hendak bangkitkan isu mereka tidak bagi jawapan bertulis. Ini bagi jawapan bertulis, tetapi tidak menjawab soalan. Kita tanya A, dia jawab B. Jadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Haiya, itu Yang Berhormat Segambut dahulu saya punya soalan dia pun tiada jawab bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa cukup.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya punya hari ini tidak dapat jawapan. Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Dahulu yang lama, mantan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Mengenai jawapan bertulis itu memang kita harus berikan. Pada masa yang sama, saya juga minta sewaktu saya menjadi *backbenchers* ini, ada jawapan yang saya

minta dua tahun pun sehingga sekarang belum diberikan oleh mantan Menteri. Minta Menteri...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu memang setujulah!

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, begini. Kita mulakan satu titik dan satu tahap yang baharu. Mulai sekarang, mari kita penuhi semua apa yang kita janji...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Buka buku baharulah.

Tuan Yang di-Pertua: ...Di dalam Dewan. Apa yang lepas itu, saya bukan Tuan Yang di-Pertua pada waktu itu. Jadi, saya pun tidak boleh berbuat apa-apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita jumpa masa pilihan rayalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sidang Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas 2020 telah berlangsung selama 25 hari mulai hari Isnin, 13 Julai 2020 hingga hari ini, hari Khamis, 27 Ogos 2020. Seperti mana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persidangan kali ini dilaksanakan ketika seluruh dunia termasuk Malaysia sedang menghadapi penularan wabak COVID-19. Urusan Parlimen pada mesyuarat kali ini telah melalui *new norm* atau norma baharu bagi mengekang penularan wabak ini.

Saya sebagai Tuan Yang di-Pertua dan mewakili kedua-dua timbalan saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan sepanjang tempoh 25 hari ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pegawai kerajaan, kakitangan-kakitangan Parlimen Malaysia khususnya Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, wakil-wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut ingin mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan yang akan disambut pada 31 Ogos 2020 [*Tepuk*] dan Selamat Hari Malaysia yang disambut pada 16 September 2020 kepada semua Ahli Yang Berhormat dan warga Parlimen Malaysia.

Saya juga ingin menasihatkan semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan kerajaan agar kita sama-sama dapat mengekang penularan wabak COVID-19 yang masih belum ada kesudahan ini. Oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berpantun, maka saya pun hendak berpantun juga.

Biduk berlalu di Tasik Chini,

Redup dipayung awan mega,

Ternyata cukup sampai di sini,

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan kepada semua, selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sihat walafiat di samping keluarga tersayang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.40 petang]